


TEORI MEMANDU PERINGKAT AKHIR BUKU PANDUAN RASMI



TEORI MEMANDU PERINGKAT AKHIR

BUKU PANDUAN RASMI

KANDUNGAN

Teori Memandu Peringkat Akhir diterbitkan oleh Polis Trafik Singapura.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sebuah sistem dapatan semula, atau disiarkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau cara lain, tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada penerbit:

Polis Trafik Singapura
10 Ubi Avenue 3
Singapore 408865
T (65) 6547 0000
F (65) 6547 4900

Diterbitkan secara dalam talian oleh Polis Trafik

Diterbitkan pada 22.2.2024

Nota: Maklumat yang terkandung di dalam buku panduan ini adalah tepat semasa diterbitkan. Calon - calon dinasihatkan supaya melayari laman web TP di <https://www.police.gov.sg> dan laman web LTA di <https://www.lta.gov.sg/> untuk mendapatkan maklumat terkini.

PENGENALAN

Pemandu Yang Selamat	4
Kemalangan Di Jalan Raya	4
Belajar Secara Sistematik	4

OPERASI PELBAGAI KAWALAN KENDERAAN

Nama Dan Fungsi Pelbagai Kawalan Transmisi Automatik	5
Pemilihan Dan Kawalan Memandu L (Berkunci Atau Tahan)	13
Penganjakan Turun	14
Pelbagai Suis Dan Penggunaannya	14
Meter Dan Penunjuk Amaran	18
Tempat Duduk Dan Tali Pinggang Keledar	21
Cermin	22

TEKNIK MEMANDU ASAS

Sebelum Memandu	23
Bergerak Dan Berhenti	24
Menukar Gear	29
Melalui Selekoh	34
Menukar Lorong	37
Memandu Melalui Simpang	40
Memandu Melalui Bulatan	52
Memotong Dan Dipotong	53
Berhenti Dan Bergerak Di Jalan Yang Curam	60
Mengundur	62

KANDUNGAN

Meletak Kereta Melintang	64
Mengubah Arah	66
Meletak Kereta Selari Dengan Jalan	67
Berhenti Kecemasan	70
Laluan Sempit	71

MEMANDU DI JALAN RAYA

Teknik Memandu Dengan Selamat (Teknik Memandu Secara Defensif)	75
Memandu Menaiki Bukit	82
Memandu Menuruni Bukit	83
Meletak Kereta Di Lereng Bukit	84
Interaksi Dengan Pengguna-Pengguna Jalan Raya Yang Lain	84
Kenderaan Di Hadapan	85
Kenderaan Yang Datang Dari Hadapan	87
Kesesakan Lalu Lintas	88
Kenderaan Yang Tidak Bergerak	89
Rintangan-Rintangan	91
Pejalan Kaki	92
Penunggang Basikal	97
Penunggang Motosikal	98
Kenderaan Kecemasan	99
Kenderaan Besar	99
Lebu Raya	101
Kecemasan	103
Bonet Longgar	103
Cermin Hadapan Pecah	104
Enjin Terlalu Panas	104
Kebakaran	105
Pedal Minyak Tersangkut	105
Kerosakan Brek Kaki	106
Roda Longgar	106
Tayar Meletup	106
Kemalangan	107

UJIAN MEMANDU

Penetapan Tarikh Ujian	108
Ujian Praktikal	108

LARANGAN BAGI ORANG YANG BAHARU BELAJAR MEMANDU 109

KANDUNGAN

PENJAGAAN KENDERAAN

Pemeriksaan Harian	111
Pemeriksaan Mingguan	111
Pemeriksaan Berkala	111

KENDERAAN BARANGAN RINGAN

Sebab-Sebab Kemalangan	112
Alat-Alat Keselamatan	112

MELINDUNGI NYAWA MELALUI

PENGUATKUASAAN KAMERA 113

MEMANDU SECARA SOPAN 114

SUSUNAN LITAR MEMANDU 116

PENGENALAN

PEMANDU YANG SELAMAT

- 1 Seorang pemandu yang baik bukanlah semata-mata seorang yang mahir mengendalikan kenderaannya dengan cekap tetapi yang lebih penting lagi ialah seorang yang dapat memandu dengan selamat. Oleh itu, selain daripada kemahirannya, pemandu yang baik harus juga bersikap sabar, bertimbang rasa dan bersopan santun. Dia harus mempunyai rasa tanggungjawab terhadap keselamatan pengguna-pengguna jalan raya yang lain dan kebolehan untuk menumpukan perhatian, membuat jangkaan dan bertindak secara wajar semasa memandu.
- 2 Memandu dengan cara yang selamat memerlukan kewaspadaan sepenuhnya tentang gerak-geri pengguna-pengguna jalan raya yang lain dan kebolehan untuk “berinteraksi” dengan mereka. Memandu dengan sikap yang betul akan menjadikan jalan raya lebih selamat dan selesa bagi pejalan kaki dan juga pemandu kenderaan.
- 3 Pada peringkat awal latihan memandu, ia adalah penting untuk orang yang baharu belajar memandu memupuk kualiti-kualiti yang betul dan mempelajari teknik-teknik yang betul. Kesilapan yang berulang akan menjadi tabiat yang tidak boleh diubah dengan mudah.

KEMALANGAN DI JALAN RAYA

- 4 Kemalangan di jalan raya menyebabkan penderitaan, kesengsaraan dan kehilangan nyawa. Kenderaan bermotor, jika tidak dikendalikan dengan betul, boleh menjadi mesin yang menyebabkan maut. Oleh itu, kenderaan itu hendaklah dikendalikan dengan penuh waspada terhadap bahaya-bahaya yang boleh menimpa nyawa dan anggota badan.
- 5 Memandu adalah suatu proses berangkai yang melibatkan pencerapan, pertimbangan dan reaksi. Oleh sebab kebanyakan kemalangan berpunca daripada pencerapan dan pertimbangan para pemandu yang kurang baik, kemalangan boleh dicegah dengan mudah jika pemandu dapat membuat jangkaan dan bertindak secara wajar. Perancangan yang teratur dan pemerhatian (pencerapan), analisis dan keputusan (pertimbangan tentang situasi yang berubah-ubah di jalan raya) yang betul adalah penting untuk mengelakkan kemalangan.

BELAJAR SECARA SISTEMATIK

- 6 Kadar pembelajaran manusia adalah berbeza antara satu sama lain. Oleh itu, jumlah waktu latihan yang diperlukan sebelum seseorang dapat membina kemahiran dan sikap yang betul adalah berbeza antara seorang individu dengan individu yang lain. Mereka yang baharu belajar memandu harus mengamalkan cara pendekatan yang terancang. Mereka harus mendapatkan khidmat instruktur yang cekap yang boleh mengatur setiap latihan secara sistematik untuk disesuaikan dengan kemajuan kursus latihan memandu masing-masing. Mereka harus berlatih selalu tanpa jemu. Tiada jalan singkat ke arah menjadi pemandu yang cekap dan selamat.

OPERASI PELBAGAI KAWALAN KENDERAAN

NAMA DAN FUNGSI PELBAGAI KAWALAN



(1) Stereng	Untuk mengawal arah perjalanan kerana ia mengendalikan kedua-dua roda hadapan.
(2) Tuil Gear Untuk Kenderaan Transmisi Manual	Untuk menukar gear dengan tujuan menyesuaikan kuasa dan kelajuan kenderaan
(3) Brek Tangan	Untuk memastikan kenderaan tetap tidak bergerak
(4) Pedal Minyak	Untuk menyesuaikan kelajuan kenderaan
(5) Pedal Brek	Untuk mengurangkan kelajuan atau memberhentikan kenderaan
(6) Pedal Klac	Untuk menyambung atau memutuskan kuasa enjin

Stereng

- Mengawal stereng dengan betul adalah asas keseimbangan dan kestabilan kenderaan. Oleh itu, adalah penting untuk mengekalkan kawalan maksimum pada stereng setiap waktu. Kedua-dua tangan perlu memegang stereng apabila kenderaan bergerak.
- Mekanisme stereng menjadikannya kembali semula ke tengah dengan sendirinya dan oleh itu, anda hanya perlu memegang stereng dengan lembut untuk mengekalkan pergerakan kenderaan dalam keadaan lurus. Anda mungkin perlu memegang stereng erat-erat untuk mengekalkan pergerakan kenderaan dengan baik ketika melalui selekoh, membrek dan ketika memandu di jalan yang tidak rata seperti lorong berkerikil, jalan berlumpur dan berbonggol.

9 Terdapat dua cara yang disarankan untuk memegang stereng. Pilih kedudukan yang selesa untuk anda.

- (a) Pegang stereng dengan kedua-dua tangan sama ada di kedudukan jarum jam pada pukul 1.50 (10 minit lagi pukul 2) atau 2.45 (Suku jam lagi pukul 3).




Kedudukan
'10 minit lagi pukul 2'



Kedudukan
'Suku jam lagi pukul 3'

- (b) Jangan lepaskan stereng dan biarkannya berputar semula dengan sendirinya selepas anda membelok.
- (c) Jangan menggerakkan badan anda apabila memusingkan stereng.
- 10 Sebarang mana pusingan stereng itu harus dibuat dan secepat mana ia harus dilakukan untuk disesuaikan dengan keadaan jalan raya yang berbeza-beza dan semasa melalui selekoh hanya dapat dikuasai menerusi latihan yang berterusan.
- 11 stereng hendaklah dipusing bersesuaian dengan lengkungan jalan. Pemandu-pemandu harus sentiasa memandang jauh ke hadapan untuk mengawasi keadaan jalan raya yang bebeza-beza agar pegangan stereng dan kelajuan kenderaan boleh disesuaikan sebelum membelok.
- 12 Ketika melalui selekoh yang tidak tajam, pusingkan stereng sedikit demi sedikit tanpa mengalihkan kedua-dua tangan anda. Selepas melalui selekoh, pusingkan semula stereng ke kedudukan asalnya untuk meneruskan perjalanan lurus.
- 13 Ketika melalui selekoh yang tajam, stereng mungkin perlu dipusingkan beberapa kali. Anda harus sentiasa ingat supaya tidak menyilangkan tangan anda ketika memusingkan stereng. Selepas melalui selekoh, anda harus segera memusingkan semula stereng ke kedudukan asalnya untuk meneruskan perjalanan lurus.
- 14 Apabila anda mengundurkan kenderaan, tindak balas kenderaan terhadap stereng tidak segera dirasakan seperti yang dialami ketika anda memandu ke hadapan. Akibatnya, orang yang baharu belajar memandu biasanya akan memusingkan stereng secara berlebihan ketika mengundur.

- 15 Mengundurkan kenderaan adalah sama dengan memandu ke hadapan. Anda harus memusingkan stereng ke arah yang hendak dituju.




(a) Apabila stereng dipusingkan ke kiri, kenderaan akan ke hadapan atau berundur ke kiri.

(b) Apabila stereng dipusingkan ke kanan, kenderaan akan ke hadapan atau berundur ke kanan.

Tuill Gear Untuk kenderaan Transmisi Manual

- 16 Tuill gear membantu anda memilih gear untuk menggerakkan kenderaan ke hadapan atau ke belakang. Kotak gear biasanya menempatkan lima gear hadapan dan satu gear undur. Secara amnya, gear mengawal kelajuan dan kuasa kenderaan.



- 17 Tanda-tanda yang terdapat di pemegang tuil gear menunjukkan kedudukan dan arah di mana tuil gear harus dialihkan untuk memasuki gear masing-masing.



- (a) **N...Gear Bebas**
Dengan tuil gear di kedudukan Bebas (N), kereta tidak dimasukkan gear dan tidak akan bergerak apabila anda menekan minyak kerana kuasa dari enjin tidak dipindahkan ke roda.
- (b) **1...Gear Satu**
Gear satu mempunyai julat kelajuan terendah (10 km/j hingga 20 km/j) dan digunakan untuk menggerakkan kereta dari kedudukan tidak bergerak, menuruni bukit yang curam dan bergerak dengan amat perlahan.
- (c) **2...Gear Dua**
Gear ini mempunyai julat kelajuan yang lebih tinggi sedikit (15 km/j hingga 35 km/j) berbanding Gear Satu. Gear ini digunakan untuk bergerak dengan kelajuan yang rendah, melalui selekoh tajam dan menuruni bukit yang curam.
- (d) **3...Gear Tiga**
Gear ini mempunyai julat kelajuan yang sederhana (30 km/j hingga 45 km/j). Gear ini digunakan untuk melalui selekoh dan menuruni bukit yang rendah.
- (e) **4...Gear Empat**
Gear ini mempunyai julat kelajuan yang tertinggi, iaitu dari 40 km/j ke atas. Gear ini digunakan untuk perjalanan biasa.
- (f) **5...Gear Lima**
Sesetengah kenderaan dilengkapi dengan gear lima yang disebut sebagai 'overdrive'. Gear ini digunakan ketika kenderaan bergerak dengan kelajuan melebihi 70 km/j.
- (g) **R... Gear Undur**
Gear ini untuk menggerakkan kenderaan ke belakang.
- 18 Untuk menggerakkan tuil gear, genggamkan tapak tangan kiri anda di atas pemegang gear dengan menghalakan tapak tangan ke arah yang anda hendak menggerakkan tuil gear itu. Apabila menukar gear, pedal klac hendaklah ditekan dengan sepenuhnya.




(a) Gear Bebas

Untuk memastikan gear berada di gear bebas (N), genggam pemegang gear dan gerakkan gear dari sisi ke sisi. Tuil gear sepatutnya mudah digerakkan.




(b) Gear Bebas ke Gear Satu

Untuk memasuki gear satu, gerakkan tuil gear ke kiri dan tolaknya ke hadapan.




(c) Gear Satu ke Gear Dua

Untuk menukar dari gear satu ke gear dua, gerakkan tuil gear ke bawah dalam dua gerakan dengan berhenti seketika di gear bebas (N).




(d) Gear Dua ke Gear Tiga

Untuk menukar dari gear dua ke gear tiga, tolak tuil gear ke gear bebas, kemudian ke kanan dan kemudian ke hadapan.



(e) Gear Tiga ke Gear Empat

Untuk menukar dari gear tiga ke gear empat, tarik tuil gear ke bawah dalam dua gerakan dengan berhenti seketika di gear bebas.



(f) Gear Mengundur

Untuk memasuki gear undur, gerakkan tuil gear jauh ke kanan dengan tekanan yang lebih banyak daripada gear empat dan tarik ke bawah.

- 19 Proses menukar gear dari gear satu ke gear dua, dari gear dua ke gear tiga dan seterusnya, disebut sebagai 'bertukar ke gear yang lebih tinggi'. Ini untuk membolehkan kenderaan menambah kelajuan dengan lancar dari keadaan tidak bergerak. Sebaliknya, apabila anda memperlambatkan kenderaan anda, gear patut 'bertukar ke gear yang lebih rendah' sesuai dengan kelajuan kenderaan anda.

Brek Tangan

- 20 Brek tangan kadangkala disebut sebagai 'brek letak kenderaan' ('parking brake'). Brek tangan bertindak hanya pada kedua-dua roda belakang dan digunakan untuk mencegah kenderaan daripada bergerak ke hadapan atau ke belakang apabila meletakkan kenderaan atau kenderaan dalam keadaan tidak bergerak, dan apabila kenderaan berhenti di persimpangan lampu isyarat. Brek tangan tidak harus digunakan untuk memberhentikan kenderaan yang sedang bergerak, kecuali pada waktu kecemasan, misalnya, ketika brek kaki tidak berfungsi.

- 21 Untuk menggunakan brek tangan, tekan pedal brek kaki, tekan butang di hujung tuil dengan ibu jari untuk melepaskan kancingnya, dan tarik tuilnya ke atas. Lepaskan butang apabila tuil itu telah tertarik ke atas sepenuhnya dan lepaskan pedal brek kaki.



- 22 Untuk melepaskan brek tangan, tekan pedal brek kaki, tarik tuil brek sedikit ke atas, tekan butang di hujung tuil, dan turunkan tuil brek ke bawah sepenuhnya. Jangan lepaskan butang itu sehingga anda telah menurunkan tuil brek tangan ke kedudukan 'OFF'.



Pedal Minyak

- 23 Pedal minyak ialah pedal yang paling sensitif. Pedal ini mengawal pengaliran bahan bakar bercampur udara ke enjin. Sedikit perubahan tekanan pada pedal tersebut akan membawa kepada perubahan yang besar di dalam putaran enjin. Itulah sebabnya pedal minyak ini amat sensitif. Kawalan pedal yang tepat sangat penting untuk memastikan perjalanan dapat dimulakan dengan lancar dan selesa.
- 24 Pedal ini ditekan dengan bahagian hujung luar bebola kaki kanan (iaitu bahagian yang lebih dekat dengan jari kaki) dengan keadaan tumit jejak di lantai kenderaan. Walau bagaimanapun, pedal ini hendaklah dilepaskan sebentar setiap kali pedal klac ditekan untuk menukar gear.
- 25 Pedal minyak ini hendaklah ditekan dengan tetap dan progresif supaya kelajuan kenderaan meningkat secara beransur-ansur dan lancar.

Pedal Brek

- 26 Pedal brek digunakan untuk memperlahankan dan seterusnya memberhentikan kenderaan. Pedal brek harus ditekan dengan kuat di peringkat awal, kemudian tekanan ke atas pedal brek dikurangkan secara beransur-ansur sehingga kenderaan menghampiri destinasi.




(a) Anda harus menggunakan bebola kaki kanan anda untuk menekan pedal brek.



(b) Tumit anda tidak harus menjejak lantai kenderaan sewaktu pedal brek sedang digunakan.



- 27 Cara paling selamat untuk membrek ialah dengan menggunakan teknik membrek 'pijak-lepas, pijak-lepas'. Kaedah brek ini tidak harus digunakan apabila memberhentikan kenderaan pada waktu kecemasan. Teknik pijak-lepas, pijak-lepas dilakukan dengan menekan dan melepaskan pedal brek dua atau tiga kali sebelum kereta diberhentikan terus.




- 28 Kelebihan-kelebihan teknik ini ialah:
- (a) Memberi amaran secukupnya kepada pemandu-pemandu kenderaan yang ikut dari belakang;
 - (b) Mencegah roda daripada terkunci yang boleh menyebabkan kenderaan tergelincir;
 - (c) Mengeringkan brek selepas melalui banjir (pam brek berulang kali sehingga kesan brek kembali).

Pedal klac

- 29 Pedal klac digunakan untuk memasukkan dan melepaskan klac. Apabila pedal ditekan sepenuhnya, klac akan terlepas. Kuasa enjin tidak akan sampai ke kotak gear.



- 30 Apabila pedal dilepaskan sepenuhnya, klac akan bercantum. Kuasa enjin akan sampai ke kotak gear.




- 31 Anda harus menekan pedal klac apabila anda hendak:
- (a) Masuk gear (gear satu atau gear undur) ketika mula bergerak dari kedudukan berhenti;
 - (b) Tukar ke gear lain semasa kenderaan sedang bergerak;
 - (c) Berhenti;



(d) Anda hendaklah menggunakan bebola kaki kiri untuk menekan pedal klac;



(e) Tumit anda tidak harus menjejak lantai kenderaan sewaktu pedal klac sedang digunakan;



(f) Anda hendaklah menggerakkan lutut untuk menekan atau melepaskan pedal klac;



(g) Anda hendaklah meletakkan kaki di lantai kenderaan sebaik sahaja selesai menggunakan pedal itu.

TRANSMISI AUTOMATIK

32 Kendaraan yang mempunyai transmisi automatik tidak mempunyai pedal klac. Sebaliknya, ia mempunyai sistem yang mengesan keperluan untuk beralih ke gear yang lebih tinggi atau lebih rendah dan bertukar dengan sendirinya. Transmisi mengesan dan memilih gear mengikut kelajuan di jalan raya dan beban pada enjin, jadi pemandu tidak perlu bimbang dengan pengulangan memilih dan menukar gear seperti yang dilakukan dalam penukaran gear yang normal. Ini sangat memudahkan pemanduan dan juga membolehkan pemandu mempunyai lebih banyak masa untuk menumpukan perhatian terhadap apa yang berlaku di jalan raya.

33 Secara amnya, transmisi automatik berubah kepada gear yang lebih tinggi apabila kelajuan di jalan raya meningkat dan kepada gear yang lebih rendah apabila kelajuan berkurangan.

Ia juga mengambil kira beban pada enjin, (sebagai

contoh) ia bertukar ke gear rendah jika perlu, ketika menaiki bukit. Walau bagaimanapun, ada kalanya anda perlu gear yang rendah walaupun kelajuan tetap dan beban enjin ringan – contohnya apabila anda menuruni bukit yang curam dan panjang, transmisi automatik tidak semestinya memilih gear yang betul dalam situasi ini, jadi anda perlu tahu cara menggunakan kawalan jenis tertentu yang dipasang pada kereta anda untuk kemudahan anda.



PEMILIHAN DAN KAWALAN MEMANDU

34 Kebanyakan kenderaan automatik mempunyai tuil pemilih gear yang kecil, dan biasanya terdapat satu kedudukan atau tetapan yang sepadan dengan gear bebas pada kotak gear biasa (satu jenis, dibincangkan kemudian, adalah pengecualian.) Dengan enjin yang hidup, tuil pemilih gear boleh digerakkan di antara kedudukan memandu dan mengundur.

35 Terdapat empat kedudukan gear yang asas untuk kebanyakan kenderaan jenis automatik; ia sering dilabel 'P' untuk Letak Kenderaan, 'R' untuk Undur, 'N' untuk Gear Bebas dan 'D' untuk Pandu, serta disusun mengikut urutan itu..

36 Setelah menghidupkan enjin dengan tuil pemilih gear pada kedudukan P (Letak Kenderaan), alihkan tuil gear ke D (Pandu), anda hanya perlu melepaskan brek dan menekan pedal minyak untuk kereta bergerak ke hadapan. Kereta akan terus bergerak, bertukar gear apabila perlu, asalkan terdapat cukup tekanan pada pedal minyak. Apabila tekanan pada pedal minyak tidak mencukupi, kereta akan menjadi perlahan, bertukar ke gear yang lebih rendah dan akhirnya berhenti (kecuali menuruni bukit).

37 Selain itu, oleh sebab transmisi automatik adalah sensitif terhadap kelajuan dan beban pada enjin, menekan pedal minyak berlebihan boleh melengahkan pertukaran ke gear tinggi sehingga kereta mencapai lebih kelajuan. Ini kerana pecutan berlebihan di jalan raya yang rata boleh memberikan beban yang sama pada enjin seperti semasa memanjat bukit yang curam. Mekanisme automatik mengukur beban dan kemudian menukar gear dengan sewajarnya. Untuk kebanyakan gear automatik, semakin rendah kelajuan, semakin lancar perubahan gear.


L (BERKUNCI ATAU TAHAN)

- 38 Kedudukan 'L' (Berkunci Atau Tahan) pada pemilih membolehkan anda kekal dalam gear rendah atau menggunakan gear yang lebih rendah. Dalam keadaan lalu lintas yang sesak dan perlahan, anda mungkin mendapati bahawa menggunakan D boleh menyebabkan peralihan pada gear tinggi dan rendah secara automatik yang tidak diperlukan. Menggunakan L akan mengatasi mekanisme automatik dan memastikan anda berada dalam gear yang lebih rendah.
- 39 Begitu juga jika anda mahu bertukar kepada gear yang lebih rendah – sebagai contoh, untuk menuruni bukit yang curam – anda perlu menggunakan L. Kebanyakan transmisi automatik mempunyai tiga gear ke hadapan dan kedudukan L ini biasanya diatur untuk membolehkan anda memilih atau untuk mengekalkan gear tengah atau paling rendah.
- 40 Dengan kebanyakan gear jenis automatik, jika anda memilih L semasa berada dalam gear kedua, kelajuannya akan kekal pada 10 km/j. Jika kelajuannya menurun begitu rendah, sehingga muncul gear rendah, kedudukan pada gear L akan kekal dan tidak akan beralih ke gear bawah. Perkara ini bermaksud tidak akan ada penukaran semula ke gear kedua - kecuali anda sendiri yang menukar ke gear D semula. Susunan berkunci pada beberapa jenis gear automatik membolehkan mana-mana gear untuk dipilih dan dikekalkan dan ada pula hanya gear atas sahaja yang boleh dikekalkan.

PENGANJAKAN TURUN

- 41 Kebanyakan gear automatik mempunyai satu bentuk kawalan kaki yang dipanggil 'penganjakan turun'.
- 42 Tekanan serta-merta tepat pada pedal minyak, sepenuhnya, menyebabkan perubahan segera ke gear lebih rendah seterusnya.
- 43 Keupayaan untuk mengatasi mekanisme automatik ini sangat berguna untuk pecutan pantas apabila anda memerlukannya – contohnya untuk memotong. Untuk kembali ke gear yang lebih tinggi semula, hanya kurangkan tekanan ke atas pedal minyak.

PELBAGAI SUIS DAN PENGGUNAANNYA



- | | | |
|--|------------------------|-----------------------------|
| (a) Suis pencucian (atau suis penghidup) | (b) Tuil penunjuk arah | (e) Suis lampu |
| (c) Pengelap dan hadapan | (d) Hon | (f) Suis lampu tanda bahaya |
| | | (g) Penyahkabus |

Suis Pencucuhan (Atau Suis Penghidup)

- 44 Sebelum menghidupkan enjin, pastikan brek tangan telah dikenakan. Untuk kenderaan transmisi automatik, pastikan tuil gear berada pada kedudukan 'P' (Letak Kenderaan).
- (a) Untuk menghidupkan enjin, pusingkan kunci pencucuhan mengikut putaran arah jam ke arah START.
 - (b) Untuk mematikan enjin, pusingkan kunci pencucuhan mengikut putaran arah lawan jam ke arah OFF.
 - (c) Untuk menarik keluar kunci, pusingkan kunci itu selanjutnya ke arah LOCK. (Perhatian: kunci hanya boleh ditarik keluar apabila enjin mati).

LOCK - stereng terkunci apabila kunci pencucuhan tidak dimasukkan. Masukkan kunci dan pusingkan mengikut putaran arah jam untuk membuka kunci stereng.

OFF - Enjin dan semua alat-alat tambahan mati. stereng menjadi bebas.

ACC - Arus elektrik mengalir ke alat tambahan.

ON - Arus elektrik mengalir ke sistem pencucuhan.

START - Pemula motor mula berputar. Sebaik sahaja enjin dihidupkan, lepaskan kunci dengan segera. Kunci akan kembali ke kedudukan 'ON' secara automatik.



Tangkai Penunjuk Arah

- 45 Suis penunjuk arah digunakan untuk memberitahu pemandu-pemandu lain arah yang hendak anda tuju. Apabila suis tersebut dihidupkan, lampu-lampu penunjuk arah berwarna kuning yang berada di hujung bahagian hadapan dan belakang kereta akan berkelap-kelip. Apabila hendak membelok, tolak tangkai itu ke arah yang hendak anda pusing. Selepas membelok, tangkai itu akan kembali dengan sendirinya ke kedudukan asalnya.



Pengelap Dan Pencuci Cermin Hadapan

- 46 Untuk menggerakkan pengelap cermin hadapan, tolak tangkainya ke bawah ke tahap kelajuan pengelap yang anda mahukan. Pencuci cermin hadapan digerakkan dengan menarik tangkainya ke arah anda atau dengan menolak butang di hujung tangkai tersebut.



Hon



- 47 Butang hon biasanya ditempatkan di atas palang penyalang stereng. Hon dibunyikan untuk memberi amaran kepada pengguna-pengguna jalan raya yang lain tentang bahaya yang mungkin berlaku.



OPERASI PELBAGAI KAWALAN KENDERAAN

Pebagai Swis Dan Peggungananya

Suis Lampu

- 48 Suis lampu biasanya ditempatkan di hujung tangkai penunjuk arah. Semua pemandu dikehendaki menghidupkan lampu besar kereta mereka ketika memandu dari jam 7 malam hingga 7 pagi. Walau bagaimanapun pada waktu siang dalam keadaan kurang terang, hidupkan lampu besar anda. Menghidupkan lampu besar membuatkan anda mudah dilihat oleh pemandu-pemandu lain.
- 49 Suis lampu dihidupkan dengan memusingkan suisnya mengikut putaran jam. Apabila suis dipusingkan ke kedudukan , lampu letak kereta, lampu belakang, lampu nombor plat kenderaan dan lampu panel peralatan akan menyala. Pada kedudukan  ini, lampu besar dan semua lampu tersebut akan menyala serentak.
- 50 Terdapat dua kedudukan bagi lampu besar, iaitu lampu tinggi dan lampu rendah.
- 51 Apabila memandu pada waktu malam dan penglihatan kurang baik, hidupkan lampu tinggi dengan menolak tangkainya ke hadapan. Di kawasan penempatan atau ketika berhadapan dengan kenderaan lain, tolak tangkalnya ke belakang semula untuk bertukar ke lampu rendah.

52



Suis Lampu Tanda Bahaya

- 53 Suis ini menyalakan keempat-empat lampu penunjuk arah dengan serentak. Lampu-lampu ini digunakan untuk memberi amaran kepada pemandu-pemandu lain apabila kereta anda rosak. Lampu amaran ini juga boleh digunakan ketika berhenti sebentar di tepi jalan.




Penyahkabus

- 54 Apabila suis ini dihidupkan, ia mengaktifkan penyahkabus di cermin belakang kenderaan anda. Haba panas akan dijanakan dan diarahkan ke cermin tersebut untuk menghilangkan kondensasi dan mengelakkan wap.



METER DAN PENUNJUK AMARAN

55 Meter Dan Penunjuk Amaran termasuk:



- | | |
|---------------------------------|---------------------------------|
| (a) Meter Kelajuan | (g) Pengukur Suhu |
| (b) Meter Perjalanan | (h) Penunjuk Lampu Tinggi |
| (c) Odometer | (i) Lampu Amaran Pintu |
| (d) Penunjuk Isyarat | (j) Lampu Amaran Brek |
| (e) Takometer atau Penunjuk RPM | (k) Lampu Amaran Tekanan Minyak |
| (f) Pengukur Minyak | (l) Lampu Amaran Bateri |

Meter Kelajuan

56 Menunjukkan kelajuan anda memandu.

Odometer

57 Merekod jarak yang dilalui.

Meter Perjalanan

58 Meter ini boleh dilaraskan semula untuk merekod jarak yang dilalui dalam setiap perjalanan.


Meter Perjalanan



Odometer Tombol Laras Semula

Penunjuk Isyarat

59 Lampu penunjuk isyarat akan berkelip apabila alat penunjuk digerakkan ke arah yang dikehendaki. Walau bagaimanapun, apabila lampu tanda bahaya dihidupkan, kedua-dua lampu penunjuk isyarat akan berkelip serentak.



Takometer atau Penunjuk RPM

60 Menunjukkan bilangan revolusi enjin per minut.



Pengukur Minyak

61 Jarum penunjuk menunjukkan jumlah minyak di dalam tangki kereta.



Pengukur Suhu

62 Jarum penunjuk bagi pengukur ini akan bergerak dari C ke H seiring dengan kenaikan suhu. Jika jarum penunjuk bergerak melebihi lingkungan normal, ini bermaksud enjin terlalu panas.



Penunjuk Lampu Tinggi

- 63 Lampu ini akan menyala apabila suis lampu besar dipusingkan ke arah lampu tinggi.



Lampu Amaran Pintu

- 64 Lampu ini akan menyala apabila ada pintu kereta yang tidak tertutup rapat.



Lampu Amaran Brek

- 65 Lampu amaran brek akan menyala apabila kunci pencucuhan dipusingkan ke arah ON dan terpadam apabila brek tangan dilepaskan. Jika masih menyala, ia bermaksud minyak brek di dalam tangki minyak brek berada di bawah paras yang ditetapkan.



Lampu Amaran Tekanan Minyak

- 66 Lampu ini akan menyala apabila kunci pencucuhan dipusingkan ke arah ON. Jika lampu masih menyala selepas enjin dihidupkan, ini menandakan minyak pelincir di dalam enjin berada di bawah paras yang ditetapkan.



Lampu Amaran Bateri

- 67 Lampu ini akan menyala apabila kunci pencucuhan dipusingkan ke arah ON. Lampu akan terpadam sebaik sahaja enjin dihidupkan. Jika lampu masih menyala selepas enjin dihidupkan, ini bermaksud sistem pengecasan bateri rosak.



TEMPAT DUDUK DAN TALI PINGGANG KELEDAR

68




- (a) Duduk tegak dan bersandar pada penyangkar dengan kedua-dua tangan memegang stereng dengan selesa. Lengan harus dibengkokkan sedikit.



- (b) Betulkan tempat duduk supaya kaki kiri anda hampir lurus apabila pedal klac ditekan sepenuhnya.



- (c) Jika perlu, gunakan kusyen untuk mendapatkan posisi duduk yang betul.



- (d) Betulkan penyangkar kepala supaya ia selari dengan telinga dan mata anda. Ini mengelakkan kecederaan leher jika perlanggaran berlaku dari belakang.



- (e) Pasangkan tali pinggang keledar hanya selepas anda membetulkan tempat duduk dan dalam kedudukan yang betul untuk memandu.



- (f) Bagi tali pinggang keledar dengan jenis yang tidak boleh ditarik, bahagian yang kendur tidak boleh melebihi satu genggam di antara tali pinggang di bahu anda dengan dada.

OPERASI PELBAGAI KAWALAN KENDERAAN

CERMIN

69. Betulkan cermin setelah anda duduk dengan betul dan tali pinggang keledar terpasang dengan kemas.




(a) Pegang hujung cermin pandang belakang dan betulkan supaya anda dapat melihat belakang dengan jelas melalui cermin belakang.



(b) Betulkan cermin sisi hingga kaki langit berada sedikit di atas garisan tengah cermin. Sebahagian daripada badan kereta anda haruslah kelihatan dalam cermin sisi itu.

70. Terdapat dua bahagian di sebelah kanan dan kiri kenderaan anda yang tidak dapat dilihat melalui cermin-cermin kenderaan anda. Bahagian ini disebut sebagai 'blind spot' atau ruang terlindung. Anda perlu memusingkan kepala dan menoleh paras bahu ke kiri atau ke kanan untuk mengawasi lalu lintas yang berada di bahagian tersebut sebelum menukar lorong, memotong atau membelok.



TEKNIK MEMANDU ASAS

SEBELUM MEMANDU

71. Langkah berjaga-jaga harus diambil dengan melakukan pemeriksaan rutin yang mudah terhadap kereta anda. Dengan berbuat demikian, anda akan terlepas daripada pelbagai kesukaran yang memang boleh dielakkan dan menjadikan perjalanan anda bebas daripada masalah.
72. Pemandu yang bertanggungjawab akan sentiasa mengamalkan tabiat berjalan di sekeliling keretanya untuk memeriksa sama ada:
- (a) terdapat sebarang kerosakan di badan kereta, termasuk plat pendaftaran dan lampu-lampu;
 - (b) tayar dipam dengan sempurna dan tidak ada tayar yang bocor.
73. Rancang perjalanan anda dengan merujuk kepada panduan jalan raya dan dapatkan maklumat trafik melalui internet atau siaran radio.
74. Memakai pakaian yang wajar ketika memandu.

Pakaian tidak harus menyekat pergerakan lengan dan tangan



Jika anda berambut panjang, ikat dengan kemas menggunakan getah rambut supaya penglihatan anda tidak terhalang

Pakaian tidak harus menyekat pergerakan badan


Jangan memakai pakaian yang mungkin menyekat pergerakan kaki anda.

Jangan memakai selipar semasa memandu. Pakai kasut yang bertapak lembut supaya anda dapat merasa semua pedal

75. Apabila membuka pintu kenderaan:
- (a) Tumpukan perhatian pada kenderaan yang datang dari belakang;
 - (b) Jangan membuka pintu terlalu luas;
 - (c) Jika lalu lintas sibuk, gunakan pintu yang menyebelahi pinggir jalan;
 - (d) Sebaik sahaja anda masuk ke dalam kereta, kunci pintu.
76. Betulkan tempat duduk anda supaya semua alat kawalan boleh dicapai dengan mudah. Pakai tali pinggang keledar, betulkan cermin pandang belakang dan cermin sisi dan pastikan brek tangan ditarik sepenuhnya. Masukkan kad tunai anda terlebih dahulu untuk ERP (Electronic Road Pricing) dan bayaran letak kereta.

BERGERAK DAN BERHENTI

77. Orang yang baharu belajar memandu dinasihatkan supaya menggunakan litar memandu untuk keselamatan. Jika tiada litar memandu, cari kawasan sepi yang bukan tempat larangan untuk berlatih teknik-teknik asas memandu.



78. Sebelum memandu kenderaan, duduk di tempat duduk pemandu dan lihat di sekeliling anda. Ini adalah untuk membolehkan anda merasa berapa besarnya kenderaan anda.



79. Ingat kawasan sekeliling yang telah anda lihat dari tempat duduk pemandu. Kemudian, keluar dari kereta dan perhatikan panjang dan lebar kereta. Anda akan dapati sebenarnya anda tidak memerlukan ruang yang luas sebagaimana yang anda jangkakan.

80. Ketika memandu, anggarkan lebar jalan yang perlu dilalui oleh kereta anda dengan berpandukan tanda-tanda di lorong jalan dan daya pertimbangan anda sendiri.




81. Apabila hendak mula memandu, ikut langkah-langkah berikut:


- (a) Semak bahawa tuil gear adalah pada kedudukan gear bebas untuk kereta manual dan kedudukan 'P' (Letak Kereta) untuk kereta automatik;
- (b) Tekan sedikit pedal minyak dan pusingkan kunci pencucuhan ke kedudukan START untuk menghidupkan enjin;
- (c) Lepaskan pedal minyak sebaik sahaja enjin dihidupkan dan enjin akan berputar pada 'kelajuan melahu';
- (d) Awasi pengguna-pengguna jalan raya yang lain di hadapan dan belakang. Ini akan membolehkan anda melihat sebarang bahaya yang terdapat pada waktu itu;
- (e) Beri isyarat untuk menunjukkan apa yang anda hendak lakukan;
- (f) Tekan pedal klac dan masuk gear satu;
- (g) Tekan sedikit pedal minyak dan sekaligus lepaskan perlahan-lahan pedal klac;
- (h) Apabila pedal klac dilepaskan lebih kurang separuh, anda akan dapati putaran enjin berkurangan sedikit. Klac kini berada di 'titik menggigit'. Kekalkan klac di kedudukan ini yang disebut sebagai kedudukan 'separuh klac';
- (i) Pastikan keadaan mengizinkan kereta anda untuk bergerak dengan selamat dengan menoleh paras bahu ke 'blind spot' atau bahagian terlindung;
- (j) Lepaskan brek tangan;
- (k) Tekan lagi pedal minyak dan sekaligus lepaskan perlahan-lahan pedal klac. Kenderaan akan mula bergerak;
- (l) Biarkan kereta bergerak selaju orang berjalan;
- (m) Lepaskan pedal klac seluruhnya;
- (n) Tekan pedal minyak untuk menambah kelajuan;
- (o) Pandang jauh ke hadapan, dengan jarak (dalam kiraan meter) yang anda perlu pandang ialah sekurang-kurangnya tiga kali kelajuan (dalam km/j) yang sedang anda pandu;



- (p) Perhatikan laluan yang anda pandu. Apabila anda merasakan kenderaan bergerak berat sebelah, betulkan sedikit stereng untuk mengekalkan laluan yang lurus;



- (q) Jika anda tidak boleh memandu lurus disebabkan jalan yang tidak rata, kurangkan kelajuan.



82. Pengawalan pedal klac dan pedal minyak akan menimbulkan beberapa masalah bagi orang yang baharu belajar memandu di peringkat awal. Latihan akan menambah kecekapan. Senarai di bawah menunjukkan masalah-masalah yang biasa dihadapi oleh orang yang baharu belajar memandu ketika menggerakkan kenderaan.

MASALAH	PUNCA
(a) Enjin bergegar dengan kuat	Pedal minyak tidak ditekan dengan secukupnya dan/atau kedudukan separuh klac tidak betul (pedal klac dilepaskan terlalu banyak).
(b) Kenderaan meloncat dan terhenjut-henjut atau melambung ke hadapan	Pedal minyak ditekan secara berlebihan dan/atau pedal klac dilepaskan secara mengejut.
(c) Enjin mati dengan tiba-tiba	Pedal minyak tidak ditekan secukupnya dan/atau pedal klac dilepaskan dengan tiba-tiba.

83. Semasa hendak berhenti, anda harus mengambil kira kelajuan kenderaan anda dan ruang di hadapan. Sentiasa tekan pedal brek dari awal lagi dan bersedia untuk berhenti sejeurus sebelum tiba di tempat yang anda hendak berhenti. Teruskan berlatih sehingga anda boleh berhenti betul-betul di tempat yang anda mahukan.
84. Anda perlu sentiasa mengingati perkara-perkara yang berikut ketika berhenti:
- Awasi pengguna-pengguna jalan raya yang lain di hadapan anda;
 - Gunakan cermin pandang belakang untuk mengawasi lalu lintas di belakang;
 - Beri isyarat untuk menunjukkan apa yang anda hendak lakukan;
 - Awasi bahagian terlindung (blind spot) di kiri anda;
 - Lepaskan pedal minyak;
 - Bergerak ke pinggir jalan di sebelah kiri;
 - Tekan pedal brek perlahan-lahan;
 - Tekan pedal klac sepenuhnya apabila kenderaan hampir berhenti;
 - Teruskan menekan pedal klac dan pedal brek;
 - Tarik brek tangan dan tolak tuil gear ke kedudukan gear bebas.
85. Jika pedal klac ditekan terlalu lambat apabila memberhentikan kenderaan, enjin akan mati. Akibatnya, orang yang baharu belajar memandu biasanya akan menekan pedal klac terlalu awal untuk mengatasi masalah ini. Menekan pedal klac terlalu awal akan menyebabkan kenderaan menjadi 'free-wheeling'. Perkara ini sangat berbahaya terutamanya apabila anda memberhentikan kenderaan yang sedang bergerak dengan laju dan membelok dalam keadaan laju.
86. Pedal klac hendaklah ditekan tepat pada waktunya sejeurus sebelum enjin mula bergegar. Pengalaman akan mengajar anda menentukan waktu yang wajar untuk berbuat demikian.

87. Apabila meninggalkan kenderaan, anda harus:



(a) Matikan enjin dan tarik keluar kunci pencucuhan;



(b) Tanggalkan tali pinggang keledar;



(c) Buka kunci pintu dan jarakkan pintu sedikit untuk memastikan keadaan selamat sebelum membukanya dengan lebar.



(d) Buka pintu perlahan-lahan dan keluar dari kenderaan;



(e) Tutup pintu dengan rapat;



(f) Kunci semua pintu sebelum meninggalkan kenderaan.

MENUKAR GEAR

88. Untuk memilih gear yang sesuai, perhatikan kelajuan kenderaan melalui bunyi enjin, pemandangan di luar yang bergerak dan jeling sekali sekala pada meter kelajuan.

89. Ikut latihan di bawah apabila menukar ke gear yang lebih tinggi:

Gear Satu

- (a) Tekan pedal klac;
- (b) Masuk gear satu;
- (c) Lepaskan pedal klac separuh sahaja dan sekaligus tekan sedikit pedal minyak;
- (d) Lepaskan lagi pedal klac dan pecut untuk menambahkan kelajuan;
- (e) Naikkan kelajuan sedikit demi sedikit sehingga kereta mencapai kelajuan lebih kurang 15 - 20 km/j.

Gear Dua

- (f) Tekan pedal klac dan sekaligus lepaskan pedal minyak;
- (g) Gerakkan tuil gear dari kedudukan gear satu ke gear dua;
- (h) Lepaskan pedal klac separuh sahaja, kemudian lepaskan lagi perlahan-lahan dan sekaligus tekan pedal minyak;
- (i) Naikkan kelajuan sedikit demi sedikit sehingga lebih kurang 30 - 35 km/j.

Gear Tiga


- (j) Tekan pedal klac dan sekaligus lepaskan pedal minyak;
- (k) Gerakkan tuil gear dari kedudukan gear dua ke gear tiga;
- (l) Lepaskan pedal klac terus-menerus dalam satu gerakan dan sekaligus tekan pedal minyak;
- (m) Naikkan kelajuan sedikit demi sedikit sehingga lebih kurang 40 - 45 km/j.

Gear Empat / gear Lima

(n) Caranya adalah sama seperti gear tiga. Sebaik sahaja masuk gear empat, naikkan kelajuan secara beransur-ansur ke tahap kelajuan perjalanan biasa pada gear lima.

90. Menukar gear melibatkan gerak-geri tangan dan kaki yang kerap. Orang yang baharu belajar memandu biasanya akan memandang ke tuil gear, pedal-pedal dan kakinya sendiri di bawah untuk mengimbangi semuanya. Jika tabiat ini berterusan, maka susah hendak dibetulkan. Mengalihkan penglihatan anda dari jalan raya ketika memandu, walaupun sekejap, adalah sangat berbahaya.

91. Carta ini menunjukkan anggaran kelajuan untuk setiap gear.



92. Jika pada sebarang waktu, keadaan lalu lintas tidak mengizinkan anda menaikkan kelajuan ke tahap kelajuan yang dikehendaki untuk menukar ke gear lebih tinggi, anda harus mengawal pedal minyak dan menyesuaikan kelajuan anda dengan keadaan lalu lintas. Anda harus menukar ke gear lebih tinggi apabila keadaan mengizinkan.
93. Apabila kelajuan kenderaan dikurangkan di bawah lingkungan kelajuan gear tertentu yang anda sedang gunakan, anda perlu menukar ke gear lebih rendah yang berikutnya, iaitu dari gear empat ke gear tiga atau dari gear tiga ke gear dua. Ikut langkah-langkah di bawah apabila menukar gear:
- Lepaskan pedal minyak dan sekaligus tekan pedal klac;
 - Gerakkan tuil gear ke gear lebih rendah yang berikutnya;
 - Lapaskan perlahan-lahan pedal klac dan sekaligus tekan pedal minyak mengikut kelajuan kenderaan;
 - Jika kenderaan semakin perlahan sehingga ke tahap hampir berhenti, pindah ke gear satu;
 - Jika kelajuan kenderaan anda berkurang dengan banyaknya, gear lebih rendah yang berikutnya mungkin tidak mempunyai kuasa yang diperlukan untuk kenderaan anda bergerak lancar. Oleh itu, anda harus menukar ke gear lebih rendah yang wajar, iaitu dari gear empat ke gear dua atau gear tiga ke gear satu.
94. Kita tidak terus bertindak dengan apa yang dilihat kerana kita harus menganalisa apa yang dilihat untuk memutuskan tindakan wajar yang perlu diambil. Oleh itu, anda harus sentiasa menyesuaikan kelajuan untuk memberi diri anda masa yang cukup untuk melihat, membuat keputusan dan bertindak balas terhadap pelbagai keadaan lalu lintas yang berubah-ubah.

Satu Contoh Cara Menganalisa Sewaktu Memandu



95. Analisa Pertama



96. Analisa Kedua




97. Analisa Ketiga




98. Apabila hendak memberhentikan kenderaan anda dengan lancar dan selamat dari gear tinggi (gear 4 atau 5), anda harus melakukan perkara-perkara berikut:

- Cari tempat yang selamat untuk berhenti;
- Awasi keadaan lalu lintas di belakang anda melalui cermin pandang belakang;
- Beri isyarat untuk menunjukkan apa yang anda hendak lakukan;
- Periksa ruang terlindung;
- Apabila selamat, berhenti di tepi jalan;
- Sesuaikan tekanan pada pedal brek supaya tekanan lebih kuat pada peringkat awal dan berkurangan apabila kereta menghampiri tempat yang dituju.




MEMBREK SECARA BETUL	MEMBREK SECARA TIDAK BETUL
(a) Menekan dari awal lagi	(a) Lambat menekan
(b) Menekan dengan kuat	(b) Menekan dengan kuat
(c) Mengurangkan tekanan beransur-ansur	(c) Menambah lagi tekanan

99. Apabila kereta anda sedang bergerak dan tekanan pada pedal minyak dilepaskan dengan tiba-tiba, pengurangan putaran enjin akan menghasilkan kesan brek terhadap roda. Kesan ini disebut sebagai 'brek enjin'.



100. Brek enjin tidak lagi berkesan apabila pedal klac ditekan.



101. Semakin rendah gear, semakin berkesan brek enjin. Hal ini lebih berguna ketika menuruni bukit kerana perlu mengawal kelajuan kenderaan anda.



(a) Gunakan gear tiga
Apabila cerun landai



(b) Gunakan gear dua
Apabila cerun curam



(c) Gunakan gear satu dan brek kaki secara serentak
Apabila cerun pendek dan curam

102. Faedah-faedah menggunakan brek enjin ialah:

- (a) Membrek lebih berkesan apabila dilakukan serentak dengan brek kaki;
- (b) Kenderaan tidak tergelincir ketika membrek;
- (c) Pelapik brek (brake-lining) kereta anda tidak akan haus apabila membrek menuruni cerun yang panjang dan curam.

MELALUI SELEKOH

103. Ketika melalui selekoh, perhatikan:

- (a) Kelajuan dan jarak anda sebelum melalui selekoh;
- (b) Lengkung selekoh;
- (c) Keadaan lalu lintas di hadapan.



104. Membuat keputusan terhadap:

- (a) Kelajuan dan gear yang sesuai untuk kenderaan;
- (b) Jalan yang hendak anda lalui;
- (c) Tindakan wajar yang perlu diambil selepas melalui selekoh itu.

105. Memandu di selekoh yang tidak tajam dengan cara berikut:



Di 'a'

- (i) Fikirkan kelajuan dan jarak anda apabila menghampiri selekoh;
- (ii) Lepaskan pedal minyak;
- (iii) Menukar ke gear lebih rendah (biasanya gear tiga).


Di 'b'

- (i) Tekan pedal minyak sedikit untuk mengekalkan kelajuan yang sederhana;
- (ii) Kekalkan kedudukan kenderaan di lorong anda, sebaik-baiknya di tengah-tengah;
- (iii) Jangan gerakkan badan anda ketika memusingkan stereng.

Di 'c'

- (i) Pandang jauh ke hadapan;
- (ii) Jika keadaan lalu lintas baik, naikkan kelajuan dengan cepat semasa stereng kembali semula ke kedudukan asalnya;
- (iii) Tukar ke gear lebih tinggi.

106. Untuk melalui selekoh tajam, ikut langkah-langkah yang berikut:



Di 'a'

- (i) Fikirkan kelajuan dan jarak anda dari selekoh;
- (ii) Lepaskan pedal minyak;
- (iii) Tekan pedal brek jika kereta masih terlalu laju;
- (iv) Tukar ke gear lebih rendah (gear tiga atau dua).

Di 'b'


- (i) Tekan pedal minyak sedikit untuk mengekalkan kelajuan yang sederhana;
- (ii) Jangan menekan brek di peringkat ini;
- (iii) Sesuaikan laluan yang anda hendak lalui. Di selekoh kanan, ikut kiri untuk meluaskan lingkungan penglihatan anda. Di selekoh kiri, pandu dekat dengan garis tengah;
- (iv) Tetapkan kedudukan badan anda supaya anda dapat memusingkan stereng dengan selesa.

Di 'c'

- (i) Pandang jauh ke hadapan;
- (ii) Jika keadaan lalu lintas baik, naikkan kelajuan dengan cepat apabila roda hadapan telah lurus;
- (iii) Tukar ke gear lebih tinggi yang berikutnya.

MENUKAR LORONG

107. Aspek paling sukar ketika menukar lorong ialah anggaran kelajuan dan jarak kenderaan yang datang dari belakang. Oleh itu, pemandu-pemandu hendaklah memastikan situasi selamat dengan menjeling selalu ke cermin pandang belakang dan cermin sisi. Untuk menukar lorong dengan selamat, perkara ini yang harus anda lakukan:



Di 'a'

- (i) Periksa cermin;
- (ii) Beri isyarat untuk menunjukkan apa yang anda hendak lakukan;
- (iii) Periksa ruang terlindung (blind spot).

Di 'b'

- (i) Sesuaikan kelajuan anda;
- (ii) Anda mungkin perlu memperlahankan atau melajukan kenderaan anda bergantung kepada keadaan lalu lintas di belakang anda.


Di 'c'

- (i) Apabila selamat, naikkan kelajuan dengan lancar dan pusingkan stereng perlahan-lahan untuk memasuki lorong yang hendak dituju tanpa menjejaskan kelancaran lalu lintas.


Di 'd'

- (i) Matikan isyarat anda dan teruskan dengan kelajuan biasa.


108. Anda tidak boleh menukar lorong atau melintasi garisan pemisah tengah jika tidak perlu.



109. Sentiasa ikut kiri apabila memandu di jalan raya dua hala atau di jalan raya kembar (dual-carriageway), melainkan jalan yang anda lalui terhalang oleh kerja-kerja pembaikan jalan, kenderaan yang diletakkan di tepi jalan dan sebagainya. Dalam hal yang demikian, anda boleh melintasi garisan tengah atau bergerak ke lorong di sebelah kanan. Ketika melakukan perkara tersebut, berhati-hati dalam memastikan laluan yang anda hendak lalui selamat dan lapang sebelum anda bergerak ke kanan.




(a) Kerja-Kerja Pembaikan Jalan Di Hadapan.




(b) Kereta Yang Tidak Bergerak Di Hadapan

110. Apabila terdapat dua lorong, lorong kiri adalah untuk memandu secara biasa dan lorong kanan adalah untuk memotong dan membelok ke kanan.





111. Apabila terdapat tiga lorong, lorong kiri adalah untuk kenderaan yang bergerak perlahan, lorong tengah adalah untuk kenderaan yang bergerak lebih cepat dan lorong kanan adalah untuk kenderaan yang memotong dan membelok ke kanan.



112. Rancang perjalanan anda terlebih dahulu, pilih lorong yang sesuai dan kekal di lorong anda sejauh yang mungkin. Jangan melalui dua lorong secara serentak. Jika anda terlepas untuk membelok, jangan berhenti secara tiba-tiba, lalu mengundur atau membelok dengan tajam ke lorong yang dikehendaki. Anda harus meneruskan perjalanan dan keluar ke simpang seterusnya.

MEMANDU MELALUI SEMPANG

113. Banyak kemalangan berlaku di simpang lalu lintas. Oleh itu, penting bagi anda untuk menganalisa keadaan di simpang-simpang dengan segera dan tepat, supaya anda dapat menentukan kelajuan yang betul dan mengendali kawalan-kawalan kereta anda dengan lancar. Analisa perlu dilakukan secara berterusan kerana keadaan lalu lintas sentiasa berubah-ubah.



Awasi:


- (a) Lampu isyarat trafik;
- (b) Kenderaan-kenderaan yang melintasi jalan;
- (c) Kenderaan-kenderaan yang datang dari hadapan;
- (d) Pejalan kaki yang menunggu untuk melintas jalan atau sedang melintasi jalan.

Tetapkan:

- (a) Kedudukan untuk mula memberi isyarat;
- (b) Kedudukan untuk mula menukar lorong;
- (c) Kedudukan terakhir anda;
- (d) Lorong/laluan untuk anda membelok.

114. Apabila melalui simpang lalu lintas, patuhi langkah-langkah yang ditunjukkan di bawah:

(1) BELOK KE KIRI



Di 'a'

Lihat bahagian hadapan dan belakang anda untuk mengawasi kenderaan dan pengguna jalan raya yang lain.

Di 'b'

Beri isyarat dari awal tentang apa yang hendak anda lakukan.

Di 'c'

Lihat bahagian terlindung di kiri anda dan jika selamat, ikut kiri.

Di 'd'

Kurangkan kelajuan anda.

Di 'e'

Lihat sama ada lampu isyarat trafik mengizinkan anda untuk jalan terus. Jika tidak, berhenti di belakang garisan berhenti.


Di 'f'

Lihat ke kanan dan hadapan untuk memastikan selamat atau tidak untuk jalan terus. Awasi kenderaan beroda dua sebelum anda belok. Sentiasa beri jalan kepada pejalan-pejalan kaki yang hendak melintasi jalan di simpang.

Di 'g'

Belok ke lorong yang terdekat. Selepas belok kiri, tambah kelajuan anda dengan sewajarnya.

(2) JALAN TERUS KE HADAPAN



Di 'a'

Pilih lorong yang sesuai sebagaimana yang ditunjukkan oleh tanda-tanda jalan.

Di 'b'

Kurangkan kelajuan ketika anda mendekati simpang.

Di 'c'

Lihat sama ada lampu isyarat trafik mengizinkan anda untuk jalan terus. Jika tidak, berhenti di belakang garisan berhenti.

Di 'd'

Periksa jika terdapat pejalan kaki yang sedang melintasi simpang.


Di 'e'

Awasi kenderaan-kenderaan yang datang dari hadapan yang mungkin melintasi laluan anda.

Di 'f'

Tambah kelajuan anda dengan sewajarnya.

(3) BELOK KEKANAN



Di 'a'

Lihat bahagian hadapan dan belakang untuk mengawasi kenderaan dan pengguna jalan raya yang lain.

Di 'b'

Beri isyarat dari awal tentang apa yang hendak anda lakukan.

Di 'c'

Lihat ruang terlindung di kanan anda dan jika selamat, masuk ke lorong yang sesuai sebagaimana yang ditunjukkan oleh tanda-tanda jalan.

Di 'd'

Kurangkan kelajuan anda.

Di 'e'

Lihat sama ada lampu isyarat trafik mengizinkan anda untuk jalan terus. Jika tidak, berhenti di belakang garisan berhenti.

Di 'f'

Pandu dengan perlahan-lahan dan berhati-hati menghala ke tengah simpang; Beri jalan kepada kenderaan yang datang dari hadapan. Tunggu hingga keadaan selamat untuk melintas atau tunggu hingga muncul isyarat anak panah hijau. Belok dengan segera ke lorong yang betul sambil mengawasi pejalan kaki yang hendak melintasi simpang.


Di 'g'

Tambah kelajuan anda dengan sewajarnya.

115. Jika anda memandu di belakang sebuah kenderaan lain, terutamanya kenderaan yang besar, kekalkan jarak yang selamat. Anda tidak dapat melihat lampu isyarat jika anda terlalu rapat dengan kenderaan yang besar.



- (a) Anda mungkin melanggarnya dari belakang. (b) Anda mungkin melanggar lampu merah dengan tidak sengaja.
116. Di kebanyakan simpang, setiap lorong ditanda dengan tanda-tanda arah yang tertentu. Sentiasa patuhi tanda-tanda arah ini. Jika anda tidak berada di lorong yang betul menuju ke arah yang dipilih, jangan menukar lorong secara tiba-tiba. Ikut lorong yang betul dari awal.




117. Apabila hendak membelok ke kanan dari lorong 'kongsi' untuk belok ke kanan dan jalan terus, beri isyarat dari awal supaya kenderaan di belakang anda yang hendak berjalan terus dapat memilih lorong lain untuk meneruskan perjalanan.
118. Apabila hendak jalan terus, cuba elakkan daripada menggunakan lorong 'kongsi' supaya tidak menghalang perjalanan kenderaan yang hendak belok ke kanan apabila lampu isyarat trafik bertukar merah untuk kenderaan yang berjalan terus.
119. Jangan memecut apabila menghampiri simpang yang mempunyai lampu isyarat. Sentiasa bersedia untuk lampu isyarat berubah dengan mengurangkan kelajuan anda. Tindakan ini akan memberikan anda waktu untuk mengurangkan kelajuan sedikit demi sedikit apabila lampu isyarat bertukar daripada hijau ke jingga.

120. Apabila lampu isyarat baru sahaja bertukar menjadi jingga dan anda berada:



- (a) Di 'a' dan terdapat jarak yang mencukupi sebelum garisan berhenti, kurangkan kelajuan dan berhenti di 'garisan berhenti' itu;
 - (b) Di 'b' dan anda terlalu dekat dengan 'garisan berhenti' dan anda tidak dapat berhenti dengan selamat sebelum tiba di garisan itu, maka anda boleh bergerak terus.
121. Apabila jalan di hadapan anda sesak, jangan terus bergerak walaupun lampu isyarat di bahagian anda menunjukkan warna hijau - tidak kira sama ada terdapat kotak kuning di simpang itu atau tidak.




122. Jika pergerakan lalu lintas terhenti kerana kesesakan, bertimbang rasa dengan memberi laluan kepada kenderaan dari jalan kecil untuk bergerak walaupun tiada kotak kuning di situ.


TEKNIK MEMANDU ASAS

Memandu Melalui Simpang


123. (a) Sentiasa berhenti sebelum garisan berhenti. Jangan menghalang pejalan kaki dengan berhenti melebihi garisan itu.



(b) Apabila lampu isyarat yang berhadapan dengan anda bertukar hijau, pandang ke kiri dan ke kanan untuk melihat kenderaan lain sebelum anda bergerak.



124. Di simpang jalan yang kompleks (rumit), dengan banyak lampu isyarat yang dipasang, patuhi lampu isyarat yang berhadapan dengan anda.




125. Selepas anda berhenti di lampu merah, tarik brek tangan untuk mengelakkan pergerakan yang tidak disengajakan.




126. Apabila anda hendak belok ke kiri atau ke kanan di simpang yang mempunyai lampu isyarat, ingat bahawa lampu isyarat lintasan pejalan kaki di kiri dan di kanan anda mungkin menunjukkan warna hijau juga untuk membolehkan pejalan kaki melintasi jalan di kiri dan kanan anda. Bergerak dengan berhati-hati dan jika ada pejalan kaki, beri mereka laluan dengan memberhentikan kenderaan anda sepenuhnya. Teruskan bergerak hanya apabila tiada lagi pejalan kaki melintas di laluan anda. Jangan sekali-kali membelok di hadapan seorang pejalan kaki.



127. Lampu isyarat rosak apabila lampu jingga berkelip berterusan. Jika ini berlaku, kurangkan kelajuan dan awasi kenderaan-kenderaan lain. Dalam pada itu juga, perhatikan jika terdapat pegawai polis yang mengawal lalu lintas di situ dan patuhi isyarat tangannya.




128



(a) Di simpang yang ada tanda STOP, berhenti sebelum garisan berhenti dan beri jalan kepada kenderaan di jalan utama.


(b) Di simpang yang ada tanda GIVE WAY, kurangkan kelajuan atau berhenti jika perlu untuk memberi laluan kepada kenderaan di jalan utama.

129 Kurangkan kelajuan kenderaan anda apabila anda menghampiri bahu jalan. Berwaspada terhadap pengguna-pengguna jalan yang lain, mula-mula lihat ke kanan, kemudian ke kiri. Bersedia untuk berhenti jika perlu.




130 Jika anda hendak belok ke kiri memasuki jalan kecil:

- (a) Beri isyarat dari awal;
- (b) Ikut kiri dan kurangkan kelajuan apabila anda menghampiri simpang itu;
- (c) Jangan membelok terlalu luas semata-mata kerana sudut jalan itu sempit;
- (d) Perlahankan lagi kenderaan anda untuk membelok jika sudut jalan itu terlalu sempit. .



131 Jika anda hendak belok ke kanan memasuki jalan kecil:


- (a) Ikut lorong yang betul dari awal;
- (b) Kurangkan kelajuan atau berhenti untuk memberi jalan kepada kenderaan-kenderaan yang datang dari hadapan sebelum membelok.




132 Di simpang-simpang yang tidak dikawal lampu isyarat, gunakan peraturan beri jalan:




(a) Di simpang empat, beri jalan kepada kenderaan yang datang dari arah kanan;




(b) Kenderaan yang membelok perlu memberi jalan kepada kenderaan yang jalan terus;



(c) Di simpang tiga (T-junction), beri jalan kepada kenderaan yang ada di jalan utama;



(d) Kenderaan yang membelok ke jalan sehalu hendaklah mengikut lorong masing-masing;



(e) Pastikan dari awal laluan yang anda hendak ikuti;



(f) Kurangkan kelajuan apabila anda menghampiri tempat untuk membelok;



(g) Kenderaan A harus belok ke lorong '2';





(h) Kenderaan B harus belok ke lorong '1';



(i) Kenderaan C harus belok ke lorong '2'.

MEMANDU MELALUI BULATAN




- 133 Apabila menghampiri bulatan:
- (a) Kurangkan kelajuan anda;
 - (b) Tentukan seawal mungkin jalan keluar yang anda perlu ambil;
 - (c) Masuk ke dalam laluan yang betul;
 - (d) Berhati-hati dengan kelajuan dan kedudukan lalu lintas di sekitar anda.
- 134 Apabila memasuki bulatan:
- (a) Beri laluan kepada lalu lintas di sebelah kanan anda di dalam bulatan (melainkan tanda jalan menunjukkan sebaliknya);
 - (b) Berwaspada terhadap kenderaan yang sudah berada di dalam bulatan;
 - (c) Jangan memasuki bulatan jika anda dapat lihat bahawa jalan keluar anda tersekat.
- 135 Semasa di dalam bulatan:
- (a) Perhatikan dan berikan laluan kepada kenderaan yang melintasi di hadapan anda;
 - (b) Berhati-hati apabila anda melalui jalan keluar atau bercadang untuk keluar melalui jalan keluar seterusnya;
 - (c) Beri isyarat dari awal apabila menukar lorong;
 - (d) Beri isyarat ke kiri apabila anda ingin keluar dari bulatan.
- 136 Peraturan umumnya adalah:
- (a) Lalu lintas dari lorong A seperti dalam gambar rajah pergi ke 'A';
 - (b) Lalu lintas dari lorong B pergi ke 'B';
 - (c) Lalu lintas dari lorong C pergi ke 'C'.



INGAT - Lalu lintas yang datang dari kanan anda diberikan keutamaan berbanding anda.

MEMOTONG DAN DIPOTONG

137 Memotong adalah tidak sama dengan menukar lorong atau melepasi kenderaan lain. Apabila anda memotong, anda perlu menganggar bukan sahaja ruang di hadapan anda, tetapi juga kelajuan dan jarak kenderaan yang datang dari hadapan. Ini ialah satu teknik yang sukar dan memerlukan daya pertimbangan dan kemahiran yang baik.




138 Ambil langkah berjaga-jaga berikut semasa memotong:




- (a) Periksa sama ada terdapat tanda trafik atau tanda jalan yang melarang untuk memotong sebelum anda memotong;



(b) Beri perhatian kepada kenderaan di hadapan dan niat pemandunya melalui isyarat-isyarat yang diberikan;




(c) Kekalkan jarak mengikut yang selamat;




(d) Berwaspada terhadap lalu lintas di hadapan dan pastikan sama ada anda mempunyai ruang yang cukup untuk masuk semula ke lorong anda selepas memotong;




(e) Lihat cermin pandang belakang dan cermin sisi untuk memastikan jika ada kenderaan yang cuba hendak memotong anda;




(f) Beri isyarat dari awal tentang apa yang hendak anda lakukan;





(g) Bergerak ke kanan setelah memastikan ruang terlindung anda tidak mempunyai kenderaan;



(h) Bunyikan hon apabila anda melepasi kenderaan yang anda potong itu. Pemandunya mungkin tidak nampak anda;




(i) Kekalkan jarak selamat antara kenderaan anda dan kenderaan yang anda potong itu semasa melepasiya;



(j) Berikan isyarat untuk masuk semula ke lorong sebelah kiri setelah memotong;

(k) Apabila anda dapat melihat kenderaan yang anda potong itu menerusi cermin pandang belakang, maka anda boleh masuk semula ke lorong sebelah kiri.

139 Anda tidak boleh memotong di tempat dan situasi berikut:



(a) Berdekatan atau di selekoh yang tajam;


(b) Berdekatan lintasan pejalan kaki;




(c) Berdekatan simpang jalan raya;




(d) Di jambatan yang sempit;




(e) Di cerun yang curam atau jalan yang menaik;



(f) Jangan memotong lebih daripada sebuah kenderaan pada satu-satu masa;




(g) Jangan berdegil untuk memotong juga jika kenderaan di hadapan tiba-tiba memecut;




(h) Jangan memotong apabila penglihatan anda di hadapan terhad atau terlindung.




140 Apabila anda dipotong, anda patut:




(a) Kurangkan kelajuan supaya kenderaan yang memotong itu dapat memotong dengan mudah;



(b) Ke tepi sedikit jika perlu;



(c) Jangan cuba memotong kenderaan lain semasa anda dipotong;



(d) Jangan berlumba dengan kenderaan yang melepasi anda.

TEKNIK MEMANDU ASAS

BERHENTI DAN BERGERAK DI JALAN YANG CURAM

- 141 Teknik memberhentikan kereta di cerun atau jalan yang menaik adalah hampir sama dengan teknik memberhentikan di jalan mendatar. Perbezaannya ialah anda mengenakan tekanan yang kurang pada pedal brek untuk memberhentikan kenderaan di jalan mendatar berbanding di cerun. Brek tangan juga harus ditarik sebelum melepaskan pedal brek.
- 142 Menggerakkan kereta di cerun melibatkan penyelarasan antara pedal klac, pedal minyak dan brek tangan. Oleh itu, menguasai teknik 'separuh klac' adalah penting bagi anda. Jangan biarkan kedudukan separuh klac terlalu lama kerana haba yang disebabkan oleh pergeseran klac itu boleh menghauskan pelapik klac dengan cepat.



- 143 Ikut turutan di bawah apabila bergerak menaiki cerun:
- Masukkan gear pertama;
 - Pegang tuil brek tangan;
 - Tekan pedal minyak;
 - Gunakan teknik 'separuh klac' dengan mendengar bunyi enjin yang berkurangan sedikit semasa teknik ini dilakukan. Anda juga dapat merasakan kereta itu hendak bergerak ke hadapan. Perkara ini disebut sebagai 'titik menggigit' (biting-point);




TEKNIK MEMANDU ASAS

- (e) Lihat cermin pandang belakang dan cermin sisi untuk memastikan keadaan selamat;
- (f) Lepaskan brek tangan sambil kekal dalam kedudukan separuh klac;
- (g) Tekan lagi pedal minyak dan lepaskan pedal klac secara beransur-ansur.

Kenderaan akan mula bergerak.




144 Jika enjin mati ketika bergerak menaiki jalan yang menaik:



- (a) Tekan brek kaki serta-merta untuk mencegah kenderaan daripada menggelungsur ke belakang;



- (b) Tarik brek tangan;




- (c) Tukar gear ke kedudukan gear bebas (neutral);



- (d) Tekan pedal minyak sedikit dan hidupkan enjin semula.

MENGUNDUR

145 Mengundur ialah teknik yang lebih sukar daripada memandu ke hadapan. Anda perlukan banyak latihan untuk menguasai teknik ini. Mulakan dengan mengundur secara lurus. Teknik ini adalah untuk mengenal pasti dari awal lagi sama ada kereta itu bergerak lurus atau tidak dan membenarkan penyesuaian dilakukan. Apabila anda dapat mengundur secara lurus dengan baik, aturkan laluan lain (dengan tiang-tiang dan sebagainya) dan berlatih sehingga anda mengenali hubungan antara stereng dan laluan yang dilalui oleh kenderaan.



146 Cara yang berkesan untuk memperbaiki pengemudian (mengawal stereng) semasa mengundur adalah dengan mengundur dari kedudukan serong dan kemudian luruskan kereta anda dalam jarak sedekat mungkin.

147 Apabila mengundurkan kenderaan di selekoh atau di bahu jalan:



(a) Jarak di antara kenderaan dan bahu jalan selepas mengundur adalah sempit jika jarak awal adalah luas.



(b) Jarak di antara kenderaan dan bahu jalan selepas mengundur adalah lebar jika jarak awal adalah sempit.

148 Oleh sebab sukar melihat dan mengawal stereng, mengundur kenderaan harus dilakukan dengan sangat perlahan. Untuk membolehkan anda berbuat demikian, anda harus mengawal pedal klac dengan melepaskan dan menekannya berulang kali supaya tenaga enjin tidak berterusan pergi ke roda. Teknik ini hendaklah dilakukan dengan menekan sedikit pedal minyak.



149 Anda tidak seharusnya duduk seperti hendak memandu ke hadapan dan bergantung kepada cermin pandang belakang semasa mengundur. Sebaliknya, anda harus memusingkan badan anda ke kiri dan sekaligus palingkan kepala anda untuk melihat dari cermin belakang.

150 Untuk mengundur kenderaan masuk ke ruang yang terhad memerlukan daya pertimbangan yang baik tentang kedudukan semua roda kenderaan itu.



(a) Pandangan arah ke hadapan.



(b) Pandangan arah ke belakang.

Cuba gambarkan kedudukan keempat-empat roda dari tempat duduk pemandu.

MELETAK KERETA MELINTANG

151 Untuk mengundur masuk ke petak letak kereta melintang, ikut langkah-langkah berikut:




- (a) Sebelum memberhentikan kereta untuk mengundur,
 - (i) Lihat cermin pandang belakang;
 - (ii) Beri isyarat dari awal tentang apa yang hendak anda lakukan;
 - (iii) Lihat ruang terlindung di sebelah kiri anda;
 - (iv) Berhentikan kenderaan anda dalam jarak kira-kira separuh panjang kenderaan di hadapan petak letak kereta dan kira-kira 1.5 meter dari bahu jalan;
 - (v) Setelah memastikan tidak ada apa-apa halangan di belakang, undur perlahan-lahan sambil melihat menerusi cermin belakang dan cermin sisi.
- (b) Apabila sudut bahu jalan/petak telah kelihatan selari dengan tayar kiri belakang di cermin sisi kiri, lihat pula ke arah bahagian kanan anda jika terdapat kenderaan yang lalu dan sekaligus pusing stereng ke kiri sampai habis. Undur perlahan-lahan dan periksa cermin sisi kiri dan kanan untuk memastikan keadaan selamat di antara kenderaan dan bahu jalan, lakukan penyesuaian jika perlu. Lihat melalui cermin belakang semasa mengundur.




(c) Apabila kenderaan hampir selari dengan bahu jalan, pusingkan semula stereng ke kedudukan lurus ke hadapan dan teruskan mengundur lurus ke belakang;

(d) Berhentikan kenderaan anda sebelum ia mencecah bahu jalan di bahagian belakang.

152 Apabila mengundur memasuki petak letak kereta di antara kenderaan-kenderaan yang sedia terletak di situ, gunakan teknik yang sama seperti di atas. Dalam hal ini, anda patut menggunakan penjuror kanan kereta A sebagai panduan. Apabila terlihat penjuror kanan kereta A di cermin sisi kiri anda, pusing stereng ke kiri sampai habis.



153 Sebelum keluar dari petak letak kereta, periksa lalu lintas di kedua-dua belah jalan raya itu. Apabila kelihatan selamat, pandu perlahan-lahan ke hadapan sehingga badan anda selari dengan bahagian hadapan kenderaan di sebelah kiri anda. Pusingkan stereng sampai habis ke kiri dan bergerak keluar dengan berhati-hati. Jangan membelok jauh dari bahu jalan apabila bergerak keluar.




MENGUBAH ARAH

154 Mengubah arah ialah teknik memandu yang digunakan untuk membawa kenderaan ke arah yang bertentangan, dan melibatkan langkah-langkah berikut:



- (a) (i) Lihat sekeliling dan anggarkan kedudukan yang sesuai untuk berhenti;
- (ii) Letakkan kenderaan anda hampir di tengah-tengah lorong;
- (iii) Kenderaan anda hendaklah berada sejauh mungkin ke hadapan.



- (b) (i) Setelah memastikan anda boleh mengundur dengan selamat, undur perlahan-lahan dengan menggunakan teknik 'tekan dan lepas klac';
- (ii) Lihat dari bahu kanan anda, apabila anda boleh nampak penjuru bahu jalan menerusi tingkap belakang sebelah kanan, pusingkan stereng sampai habis ke kanan dan lihat bahagian hadapan sebelah kiri kenderaan untuk memastikan terdapat ruang yang mencukupi untuk membelok.



- (c) (i) Apabila kenderaan anda hampir selari dengan bahu jalan, pusingkan semula stereng ke kedudukan lurus ke hadapan;
- (ii) Lihat melalui cermin belakang dan teruskan mengundur lurus ke belakang;
- (iii) Berhentikan kenderaan anda sebelum kenderaan itu mencecah bahu jalan di belakang.




- (d) (i) Untuk menyempurnakan pergerakan ini, pandu ke hadapan sehingga stereng selari dengan bahu jalan, kemudian pusing stereng sampai habis ke kiri dan bergerak perlahan-lahan ke hadapan;
- (ii) Apabila kereta anda hampir selari dengan bahu jalan, pusingkan stereng ke kedudukan lurus ke hadapan untuk meneruskan perjalanan di laluan tegak.

MELETAK KERETA SELARI DENGAN JALAN

155 Untuk meletak kereta di petak letak kereta selari, ikut langkah-langkah di bawah:



- (a) Lakukan pemeriksaan keselamatan sebelum memulakan pergerakan ini. Letakkan kereta anda di hadapan sedikit dari petak letak kereta dan pastikan terdapat jarak 0.5 hingga 1 meter dari bahu jalan. Kereta anda hendaklah selari dengan bahu jalan. Setelah memastikan keadaan selamat di belakang, lihat menerusi cermin belakang dan undur perlahan-lahan;



- (b) Apabila bampar belakang berjarak kira-kira 0.5 meter melepasi penjuru bahu jalan/petak, pusingkan stereng ke kiri sampai habis dan sekaligus lihat bahagian kanan jika ada kenderaan dan pengguna jalan raya yang lain melintas, termasuk penunggang basikal dan pejalan kaki. Teruskan mengundur dengan perlahan-lahan;



- (c) Apabila kenderaan anda berada pada sudut 45 darjah ke bahu jalan, (atau cermin sisi kiri anda terhalang di titik tengah sepanjang bahu jalan petak letak kereta), kembalikan stereng ke kedudukan lurus ke hadapan dan teruskan mengundur lurus;



- (d) Apabila kenderaan anda sudah separuh berada di dalam petak dan bampar hadapan selari dengan penjuru bahu jalan/lot, pusingkan stereng sampai habis ke kanan supaya kenderaan itu masuk lagi ke dalam petak;



- (e) Undur perlahan-lahan sambil melihat menerusi cermin belakang. Apabila kenderaan anda hampir selari dengan bahu jalan, segera pusingkan stereng ke kiri; Berhentikan kenderaan anda sebelum ia terkena bahu jalan di belakang;



- (f) Pusingkan stereng ke kedudukan lurus ke hadapan sambil memandu ke hadapan. Berhentikan kereta anda di tengah-tengah petak.

156 Sebelum bergerak keluar, pastikan keadaan selamat untuk membuat demikian:



- (a) Bergerak ke hadapan perlahan-lahan dan pusingkan stereng ke kanan. Sebelum berhenti (iaitu sebelum terkena bahu jalan di hadapan), segera pusingkan stereng ke kiri sebagai persediaan untuk pergerakan seterusnya;



- (b) Undur perlahan-lahan dan pusingkan stereng sampai habis ke kiri. Apabila kenderaan anda hampir terkena bahu jalan di belakang, segera pusingkan stereng ke kanan sebagai persediaan untuk pergerakan seterusnya;




- (c) Pastikan keadaan selamat untuk bergerak keluar. Bergerak ke hadapan perlahan-lahan dan pusingkan stereng ke kanan lagi;



- (d) Apabila bampar hadapan kereta melepasi bahu jalan di sebelah hadapan, luruskan semula stereng ke hadapan dan pastikan terdapat jarak 1 meter dari bahu jalan semasa anda bergerak keluar dari petak itu. Jangan membelok terlalu jauh apabila bergerak keluar.

157 Meletakkan kereta selari di tepi jalan di antara kenderaan-kenderaan lain yang sedia terletak di situ adalah sama caranya seperti yang diterangkan di atas. Bayangkan kedudukan bampar belakang kenderaan (X) sebagai penjuru bahu jalan di bahagian hadapan dan kedudukan bampar hadapan kereta (Y) sebagai panduan.




BERHENTI KECEMASAN

- 158 Ketika kecemasan, anda perlu bertindak cepat untuk memberhentikan kenderaan dalam jarak sedekat yang mungkin tanpa hilang kawalan terhadap kenderaan itu. Ingat, kenderaan tidak akan berhenti serta merta apabila anda menekan pedal brek.
- 159 Dari masa anda menyedari anda perlu **bertindak** sehingga masa kenderaan berhenti, kenderaan itu tentu telah bergerak dengan sejumlah jarak. **Jarak reaksi** ialah jarak antara bahaya yang dikenal pasti sehingga brek dikenakan.
- 160 **Jarak memberhentikan kenderaan** meliputi **jarak reaksi** dan **jarak brek**.



Anggaran jarak memberhentikan kenderaan bagi peringkat-peringkat kelajuan ditunjukkan di bawah:

$$\text{Jarak Reaksi} + \text{Jarak Brek} = \text{Jarak Memberhentikan Kenderaan}$$





161 Apabila menekan brek kecemasan, anda harus:

- (a) pegang stereng kuat-kuat dengan kedua-dua tangan dalam laluan lurus ke hadapan. Perkara ini adalah kerana anda perlu mengawal sebaik mungkin stereng pada saat genting ini;
- (b) jangan membrek terlalu kuat untuk mengelakkan roda-roda terkunci. Roda yang terkunci boleh menyebabkan kenderaan itu tergelincir;
- (c) sentiasa tekan pedal brek dahulu diikuti dengan pedal klac apabila kenderaan hampir berhenti.



LALUAN SEMPIT

162 Apabila sesebuah kereta membelok ke kiri, roda belakang sebelah kirinya akan berada lebih dekat dengan bahu jalan daripada roda hadapan sebelah kiri. Begitu juga apabila membelok ke kanan, roda belakang sebelah kanannya akan berada lebih dekat dengan bahu jalan daripada roda hadapan sebelah kanan. Oleh itu, anda perlu berhati-hati terhadap bahagian tepi sebelah belakang kereta anda apabila melalui jalan yang sempit.




163 Oleh sebab roda belakang sentiasa berada lebih dekat dengan bahu jalan, maka anda perlu menyesuaikan kedudukan kenderaan anda sebelum membelok di selekoh untuk mengelakkan kenderaan anda melanggar atau naik ke bahu jalan.

- (a) **Sekeloh Kiri** - Kedudukan kereta perlu lebih banyak ke kanan.



(b) Sekeloh Kanan - Kedudukan kereta perlu lebih banyak ke kiri.




164 Apabila melalui selekoh tajam, badan kenderaan akan sentiasa kelihatan seolah-olah terkeluar dari laluan apabila dilihat dari tempat duduk pemandu.

Selagi anda tahu kedudukan roda hadapan kenderaan dan dapat membayangkan jalan yang hendak dilalui, kenderaan anda akan tetap mengikut laluan.



165 Di laluan yang sempit, jika anda membelok terlalu awal atau terlalu lambat melalui selekoh, anda mungkin tidak dapat membelok dengan lancar.



(a) Roda belakang tersangkak (terhalang) apabila anda belok terlalu awal.




(b) Roda hadapan tersangkak (terhalang) apabila anda belok terlalu lambat.

166 Untuk membetulkan kesilapan ini, undurkan kenderaan anda ke kedudukan asalnya dan ulang perbuatan membelok itu.





(a) Apabila mengundur, lihat melalui cermin belakang supaya anda dapat melihat bahagian belakang dengan sepenuhnya. Bayangkan garisan luar jalan itu dalam fikiran anda.





(b) Sambil mengundur, sekali-sekala pandang ke hadapan untuk memastikan sama ada anda mempunyai ruang yang mencukupi untuk bergerak ke hadapan.

167 Bergerak dengan kelajuan yang perlahan dengan menggunakan gear dua atau gear satu dan gunakan teknik 'tekan dan lepas klac' untuk mengekalkan kelajuan yang perlahan.



168 Sebelum melalui laluan yang sempit, perhatikan dengan betul keseluruhan laluan itu. Bayangkan jalan yang akan anda dilalui oleh kenderaan anda.



TEKNIK MEMANDU DENGAN SELAMAT (TEKNIK MEMANDU SECARA DEFENSIF)

169 Teknik memandu dengan selamat/defensif:

Memandu dengan selamat dan cekap memerlukan penglibatan menyeluruh deria anda. Sekadar penguasaan fizikal ke atas kenderaan tanpa memupuk kesedaran tentang persekitaran adalah tidak mencukupi. Pemandu yang baik boleh mentafsir, menjangka dan bertindak tanpa ragu-ragu di bawah keadaan memandu yang buruk.

170 Keadaan yang buruk termasuklah:

- (a) Keadaan pemandu
- (b) Keadaan cuaca
- (c) Keadaan cahaya
- (d) Keadaan jalan
- (e) Keadaan lalu lintas

171 KEADAAN PEMANDU

Keadaan fizikal dan mental anda boleh memberi kesan ke atas pemanduan anda. Keadaan-keadaan ini ialah:

- (a) Penglihatan anda,
- (b) Kesihatan fizikal anda,
- (c) Keadaan mental anda,
- (d) Penggunaan alkohol dan dadah.

172 Lapan puluh peratus (80%) daripada maklumat yang dilihat semasa memandu adalah melalui mata pemandu. Oleh itu, penting untuk anda menggunakan mata secara optimum ketika memandu. Jangan tetapkan mata anda pada objek tertentu lebih lama daripada yang diperlukan. Terus gerakkan mata anda kira-kira setiap dua saat. Selain itu, jeling cermin belakang secara kerap setiap lima hingga sepuluh saat supaya anda sedar akan situasi yang berubah-ubah di sekeliling anda.

173 Keletihan, pening dan kurang sihat boleh menjejaskan tumpuan anda di jalan raya. Jika anda berasa tidak sihat atau letih, jangan memandu.

174 Kemarahan, kebimbangan dan tekanan juga boleh mengurangkan tumpuan dan boleh membawa kepada cara memandu yang terburu-buru atau cuai di jalan raya.

175 Pengambilan alkohol dan ubat-ubatan tertentu boleh menjejaskan pertimbangan, tumpuan dan masa untuk bertindak balas anda. Jika anda mengambil ubat-ubatan, minta nasihat doktor anda sama ada ubat-ubatan yang telah diambil boleh menjejaskan keupayaan anda untuk memandu. Jika ya, jangan memandu. Memandu juga adalah tidak selamat jika anda telah mengambil alkohol.

176 Menjadi kesalahan bagi seseorang untuk memandu atau cuba memandu kenderaan semasa di bawah pengaruh alkohol. Jika pemandu disyaki berada di bawah pengaruh alkohol, dia perlu menjalani ujian analisis nafas. Seseorang dengan kepekatan alkohol dalam darah, BAC (Blood Alcohol Concentration) melebihi 80 mg per 100 ml darah adalah dianggap tidak berupaya untuk mengawal kenderaannya dengan baik.

MEMANDU DI JALAN RAYA

Teknik Memandu Dengan Selamat (Teknik Memandu Defensif)

177 KEADAAN CUACA

Keadaan cuaca yang buruk menjejaskan keupayaan anda untuk melihat dan dilihat. Keadaan-keadaan ini ialah:-



HUJAN



BANJIR



ANGIN KENCANG

178 Peraturan asas untuk diikuti ketika memandu dalam keadaan cuaca yang buruk ialah:

- Kurangkan kelajuan anda supaya anda boleh bergerak dengan selamat.
- Jangan memandu melampaui jarak sebenar yang anda dapat lihat dengan jelas.
- Hidupkan lampu besar anda supaya anda boleh melihat dengan lebih jelas dan menjadi lebih mudah dilihat.
- Hidupkan penyahkabus untuk membersihkan kabus pada cermin hadapan.
- Beralih ke tempat yang selamat dan berhenti di tepi jalan dengan menyalakan lampu tanda bahaya jika anda tidak boleh melihat dengan jelas. Teruskan perjalanan apabila keadaan mengizinkan.
- Gunakan pengelap cermin hadapan dengan gerakan lebih laju ketika memandu dalam hujan lebat.

179 Di jalan yang basah, jarak memberhentikan kenderaan akan meningkat kira-kira dua kali ganda berbanding jalan yang kering. Perkara ini kerana terdapat kurang geseran di antara tayar dan permukaan jalan yang basah. Di jalan yang basah, tekan penuh pedal brek (mengunci roda) akan menyebabkan kenderaan tergelincir atau berputar. Jika anda terkunci roda secara tidak sengaja, segera lepaskan pedal brek dan gunakan teknik brek (TEKAN/LEPAS) secara berselang-seli sehingga kenderaan itu berhenti. Oleh itu, di jalan raya basah, penting untuk anda memandu pada kelajuan lebih perlahan demi mengelakkan sebarang keadaan yang berbahaya.



MEMANDU DI JALAN RAYA

Teknik Memandu Dengan Selamat (Teknik Memandu Defensif)

180 Pada hari hujan, satu lapisan nipis air terbentuk di permukaan jalan raya. Tayar, walaupun jenis yang baik, mungkin tidak mempunyai cengkaman yang baik di jalan raya. Apabila kelajuan meningkat, permukaan air terbina di bawah tayar kenderaan. Apabila perkara ini berlaku, kenderaan anda akan meluncur di permukaan jalan, dan ini dikenali sebagai 'Penyatahan Air'.




181 Penyatahan air mengakibatkan kehilangan kawalan stereng dan kecekapan brek. Semakin pantas kelajuan anda, semakin sukar untuk anda mengawal kenderaan. Untuk menanganinya, anda harus memperlahankan kenderaan dengan brek secara berselang-seli (TEKAN/LEPAS) sehingga anda memperoleh kawalan terhadap kenderaan anda.

182 Apabila menghampiri sebuah jalan yang banjir tetapi boleh dilalui kenderaan, gunakan gear yang lebih rendah untuk melalui banjir.

183 Selepas melalui air, brek menjadi tidak berkesan. Untuk mengeringkan brek, tekan pedal brek berulang kali sehingga keberkesanan brek pulih semula.



184 Anda juga boleh mengeringkan brek dengan menekan pedal brek dengan perlahan menggunakan kaki kiri sambil menekan pedal minyak dengan kaki kanan.



185 Pada waktu malam, kedalaman air banjir boleh mengelirukan. Jika ragu-ragu, ambil laluan alternatif.

186 Lebuhraya terbuka biasanya terdedah kepada angin kencang. Untuk mengelakkan bahaya termasuk ke laluan lalu lintas lain akibat angin, anda perlu memperlahankan kelajuan dan memandu dengan berhati-hati.

187 KEADAAN CAHAYA

Terlalu banyak atau terlalu sedikit cahaya akan menjejaskan keupayaan kita untuk melihat. Silau matahari atau pantulan cahaya daripada objek atau takungan air di jalan raya boleh menyilaukan dan malah mengaburi penglihatan kita. Anda perlu memakai cermin mata hitam atau merendahkan pelindung matahari apabila cahaya sangat terang.



MEMANDU DI JALAN RAYA

Teknik Memandu Dengan Selamat
(Teknik Memandu Defensif)

- 188 Hidupkan lampu anda dari 7 malam hingga 7 pagi. Pandu pada kelajuan yang lebih perlahan berbanding kelajuan anda pada waktu siang.



- 189 Apabila lampu besar kenderaan yang datang dari hadapan menyilaukan anda, lihat ke sebelah kiri anda untuk mengelakkan silau. Gunakan sisi jalan sebagai panduan kenderaan anda. Jika cahaya mengaburi penglihatan, perlahan kenderaan dan berhenti di tepi jalan.



- 190 Apabila berhadapan dengan lalu lintas dari arah bertentangan, rendahkan lampu besar.




- 191 Rendahkan lampu besar anda apabila anda berada betul-betul di belakang kenderaan lain. Jika tidak, pancaran lampu besar anda akan terpantul di cermin pandang belakang kereta di hadapan dan menyilaukan penglihatan pemandunya.



MEMANDU DI JALAN RAYA

Teknik Memandu Dengan Selamat (Teknik Memandu Defensif)

- 192 Apabila menghampiri selekoh dengan jarak penglihatan kurang baik, gunakan lampu tinggi anda. Tindakan ini akan menarik perhatian pengguna jalan raya yang lain dan memberi amaran kepada mereka mengenai kedatangan anda.



- 193 Lebih selamat untuk tidak memandu lebih daripada lingkungan jarak lampu besar anda yang biasa. Jarak purata lampu besar yang tinggi ialah kira-kira 100 meter.



194 KEADAAN JALAN RAYA

Seorang pemandu yang baik harus tahu cara membaca dan menyesuaikan kelajuannya mengikut keadaan jalan raya, seperti:

- Lebar jalan raya;
 - Jenis permukaan jalan raya yang dipandu;
 - Bentuk jalan raya;
 - Kemungkinan bahaya di hadapan.
- 195 Pada permukaan berpasir atau berbatu kerikil, terdapat risiko yang lebih besar untuk 'tergelincir ke sisi'. Cuba elakkan pecutan pantas, membrem dan pusingan tajam stereng secara tiba-tiba.
- 196 Jika bahagian belakang kenderaan anda tergelincir, lepaskan kaki daripada pedal minyak dengan serta merta. Jangan gunakan brek semasa membetulkan keadaan tergelincir, pandu mengikut arah gelinciran.



MEMANDU DI JALAN RAYA

Teknik Memandu Dengan Selamat (Teknik Memandu Defensif)




(a) Di jalan dengan permukaan yang tidak rata, pandu perlahan-lahan.




(b) Jika anda menghadapi lubang-lubang besar, kurangkan lagi kelajuan anda dan teruskan memandu perlahan-lahan.

197 Apabila memandu di selekoh atau sudut tajam pada kelajuan yang tinggi, kenderaan anda biasanya akan tertolak keluar dari laluan perjalanan oleh satu daya yang dipanggil Daya Emparan.



198 Semakin tinggi kelajuan di sekitar lengkungan atau semakin tajam lengkungan, lebih kuat kenderaan akan ditolak keluar dari laluan. Oleh itu, anda perlu mengurangkan kelajuan apabila melalui selekoh. Gambar rajah di sebelah kanan menunjukkan kelajuan yang sesuai dan kelajuan yang berbahaya untuk setiap jejari membelok.



199 KEADAAN LALU LINTAS

Keadaan lalu lintas berbeza bergantung kepada masa, tempat dan keadaan. Lalu lintas boleh menjadi sesak atau agak lancar. Kelajuan kenderaan lain juga berbeza-beza. Cuba memandu sesuai dengan lalu lintas supaya tidak mengganggu alirannya.


200 Sesuaikan kelajuan anda mengikut keadaan lalu lintas dan jalan raya. Situasi berubah apabila memandu dari kawasan bandar yang terbina hingga ke pinggir bandar dan kemudian ke kawasan luar bandar.



BANDAR



PINGGIR BANDAR



LUAR BANDAR

201 Di kawasan bandar, lalu lintas adalah perlahan dan padat. Lalu lintas adalah lebih cepat laju dan lengang di kawasan pinggir bandar. Di kawasan luar bandar, lalu lintas biasanya lengang. Apa juga keadaan lalu lintas, pemandu mempunyai tanggungjawab untuk sentiasa berhati-hati dan berwaspada.

202 MEMANDU DI LUAR NEGARA

Kebanyakan negara di Eropah mengamalkan sistem pemanduan sebelah kiri, iaitu anda akan mendapati kedudukan stereng berada di bahagian berlainan di dalam kereta.

Untuk maklumat lanjut mengenai tip-tip memandu di luar negara, sila rujuk kepada laman web Persatuan Automobil Singapura (Automobile Association of Singapore). Persediaan rapi akan membolehkan anda memandu dengan lebih yakin.

MEMANDU MENAIKI BUKIT

203 Untuk memandu menaiki bukit atau jalan yang menaik, pecut untuk menambah kelajuan kereta lebih daripada ketika memandu di jalan yang rata untuk mendaki bukit itu.



204 Jika kelajuan kereta mula berkurangan, segera masuk ke gear lebih rendah dan tambah kelajuan.



205 Jika bukit itu curam, masuk ke gear dua atau gear satu sebelum anda mendaki bukit itu. Menukar gear semasa kereta berada di lereng bukit adalah sukar. Kereta mungkin akan menggelungsur (menurun) ke bawah ketika anda menukar gear. Jangan memandu terlalu rapat dengan kenderaan yang ada di hadapan.



MEMANDU DI JALAN RAYA


Memandu Menaiki Bukit /
Memandu Menuruni Bukit

- 206 Berhati-hati apabila anda menghampiri puncak bukit kerana anda tidak dapat melihat apa yang ada di sebalik bukit itu. Kekalkan kenderaan di sebelah kiri jalan dan teruskan memandu dengan berhati-hati. Jangan memandu terlalu rapat dengan kenderaan yang ada di hadapan.



MEMANDU TURUN BUKIT

- 207 Pilih gear yang bersesuaian sebelum menuruni bukit. Gunakan gear tiga atau gear dua di bukit yang tidak curam. Di bukit yang curam, gunakan gear dua atau gear satu.



(a) Di bukit yang tidak curam, gunakan gear tiga atau gear dua;



(b) Di bukit yang curam, gunakan gear dua atau gear satu.

- 208 Lebih baik gunakan "brek enjin" daripada brek kaki untuk jarak menurun yang jauh kerana menekan brek kaki akan memanaskan dan menghauskan brek. Gunakan brek kaki hanya apabila perlu.



- 209 Apabila menuruni bukit, beri jalan kepada kenderaan yang menaiki bukit itu. Pastikan jarak di antara kenderaan anda dan kenderaan di hadapan anda lebih jauh semasa menuruni bukit.

MEMANDU DI JALAN RAYA

Meletak Kereta Di Lereng Bukit / Interaksi Dengan Pengguna-Pengguna Jalan Raya Yang Lain

MELETAK KERETA DI LERENG BUKIT

210 Letakkan kenderaan anda dekat dengan sisi jalan dan tarik brek tangan sepenuhnya.




(a) Pusingkan roda hadapan ke luar jika kereta itu menghala ke puncak bukit. supaya jika kenderaan anda menggelungsur ke bawah, ia akan tersangkut di bahu jalan.



(b) Jika kenderaan anda menghala ke bawah bukit, pusingkan roda hadapannya ke dalam .




(c) Masuk ke gear satu jika kenderaan anda diletakkan menghala ke puncak bukit.



(d) Masukkan gear undur jika kenderaan anda diletakkan menghala ke bawah bukit.



(e) Jika perlu, gunakan penahan untuk mengelakkan kenderaan daripada menggelungsur ke bawah bukit.



(f) Jangan letakkan kereta anda di cerun yang terlalu curam.

INTERAKSI DENGAN PENGGUNA-PENGGUNA JALAN RAYA YANG LAIN

211 Pengetahuan dan pematuhan peraturan jalan raya adalah penting bagi keselamatan memandu. Untuk mengelakkan kemalangan, anda hendaklah memerhatikan tanda-tanda yang menunjukkan bahaya di jalan raya dan bertindak dengan sewajarnya. Beri pengguna-pengguna jalan raya yang lain masa dan ruang untuk menyelesaikan perkara yang sedang mereka lakukan.


KENDERAAN DI HADAPAN

212 Apabila memandu ke hadapan:


- Tempatkan diri anda di jalan raya supaya anda boleh melihat hampir semua yang dilihat oleh pemandu di hadapan anda;
- Perhatikan semua kenderaan, dan tumpukan lebih banyak perhatian kepada kenderaan yang ada di hadapan anda;
- Bersedia menghadapi apa-apa perubahan keadaan atau corak lalu lintas;
- Berwaspada terhadap lampu brek dan lampu penunjuk arah kenderaan-kenderaan yang bergerak di hadapan anda. Lampu-lampu ini memberi amaran secukupnya kepada anda untuk bertindak segera.




- 213 (a) **Jangan mengekori kenderaan di hadapan terlalu dekat.** Jika anda mengekori kenderaan di hadapan anda terlalu dekat, lingkungan penglihatan anda akan terhalang oleh kenderaan di hadapan disebabkan oleh kedudukan anda;



- (b) Jika kenderaan di hadapan berhenti secara tiba-tiba, kemalangan tentu akan berlaku kerana anda tidak mempunyai waktu tindak balas dan jarak yang mencukupi untuk membrem.



- 214 Untuk membolehkan berhenti dengan ruang yang sesuai di antara kenderaan anda dan kenderaan di hadapan, anda perlu memastikan jarak sekurang-kurangnya panjang sebuah kereta bagi setiap 16km/j kelajuan anda.



- 215 Cara mudah untuk memastikan jarak yang selamat di antara anda dan kenderaan di hadapan adalah dengan menggunakan peraturan 'dua saat'. Apabila kenderaan di hadapan anda melepasi objek yang kedudukannya tetap, seperti tiang lampu di tepi jalan, mulakan mengira kepada diri sendiri 'one-thousand-and-one' (satu ribu satu), 'one thousand-and-two' (satu ribu dua). Ini akan mengambil masa selama 2 saat. Jika anda sampai di tempat yang sama sebelum selesai lapan perkataan ini, bermaksud anda mengikut kenderaan di hadapan terlalu rapat dan perlu memperlahankan kelajuan. Peraturan ini akan memastikan anda berada pada jarak yang selamat di antara kenderaan anda dan kenderaan di hadapan anda, dan akan terpakai bagi semua jenis kenderaan pada mana-mana kelajuan.

**"One thousand and one (satu ribu satu),
one thousand and two (satu ribu dua)"**



(Kenderaan 'A' tidak melepasi tiang lampu sebelum habis mengira 'one-thousand-and-one' (satu ribu satu), 'one thousand-and-two' (satu ribu dua). Maka, kenderaan 'A' berada pada jarak yang selamat dari kenderaan 'B')

- 216 Berwaspada terhadap lalu lintas di belakang anda dengan melihat cermin pandang belakang dan cermin sisi dari semasa ke semasa. Periksa ruang terlindung anda dengan memusingkan kepala anda ke paras bahu sebelum menukar lorong. Jangan bergerak ke kiri atau ke kanan, menukar lorong atau berhenti secara tiba-tiba atau dalam jangka masa pendek. Beri isyarat yang jelas dan betul untuk memaklumkan kenderaan di belakang anda tentang tujuan anda.



KERETA YANG DATANG DARI HADAPAN

217 Sentiasa lihat jauh ke hadapan, analisa keadaan jalan di hadapan anda dan jangkakan sebarang masalah yang mungkin anda akan hadapi dari kereta yang datang dari hadapan itu. Jika kenderaan dari arah hadapan lorong bersebelahan memberikan isyarat untuk menukar lorong, jangan memcut, sebaliknya perlahankan kelajuan dan berikan ruang untuk kenderaan itu memasuki lorong anda.




KESESAKAN LALU LINTAS

218 (a) Dalam kesesakan lalu lintas, sila bersabar. Membunyikan hon atau menjerit tidak akan dapat mengatasi kesesakan itu.



(b) Kekal di lorong anda. Jangan keluar masuk lorong ketika lalu lintas bergerak perlahan.



(c) Tunjukkan sikap yang sopan dengan memberi laluan kepada kenderaan dari jalan kecil untuk masuk ke jalan utama.




219 Untuk mengelak daripada terperangkap di dalam kesesakan lalu lintas, anda haruslah:

- rancang perjalanan anda sebelum bertolak;
- elakkan jalan yang sesak semasa memandu;
- elakkan memandu pada waktu sibuk apabila hampir semua jalan sesak;
- peruntukkan masa yang secukupnya kepada diri anda untuk setiap perjalanan. Anda tidak akan kelimababut dan lebih bersabar ketika memandu;
- dengar siaran radio kereta anda untuk pengumuman mengenai kemalangan, kesesakan dan sebagainya dan iku arahan untuk mengelakkan jalan-jalan yang terjejas;
- rujuk kepada Papan Tanda Elektronik untuk maklumat lalu lintas dan bertindak dengan sewajarnya.



KENDERAAN YANG TIDAK BERGERAK


220 Apabila terdapat beberapa kenderaan yang tidak bergerak di sebelah kiri jalan, jangan keluar masuk lorong. Sebaliknya, gunakan lorong di sebelah kanan dan masuk semula ke lorong sebelah kiri selepas anda melepasi mereka.




221 Apabila melepasi kenderaan yang tidak bergerak di jalan dua hala, beri laluan kepada kenderaan di hadapan yang datang dari arah yang bertentangan.




222 Apabila melepasi kenderaan yang tidak bergerak, perhatikan jika terdapat pemandu atau penumpang yang membuka pintu kenderaan mereka dan pastikan terdapat jarak kira-kira 1 meter di antara anda dengan kenderaan yang tidak bergerak itu.



223 Sentiasa bersedia jika terdapat kenderaan yang bergerak keluar dari tepi jalan atau petak letak kereta. Pemandu yang berada di dalam kenderaan dan ekzos yang berasap ialah tanda-tanda kemungkinan kenderaan itu akan bergerak keluar. Bersedia untuk mengurangkan kelajuan atau berhenti.



224 Di perhentian bas, berwaspada dan bersedia untuk berhenti untuk pejalan kaki, terutamanya murid sekolah kerana mereka mungkin tiba-tiba muncul dari hadapan bas atau dari celah bas-bas.




RINTANGAN-RINTANGAN

225 Apabila menghampiri kawasan kerja-kerja pembaikan jalan raya, berwaspada terhadap pekerja-pekerja, alat-alat dan barang-barang terletak di jalan raya. Jika rintangan itu terletak di bahagian jalan anda, beri laluan kepada kenderaan di hadapan yang datang dari arah yang bertentangan sebelum anda melalui kawasan tersebut.



226 Perlahankan kenderaan sehingga mencapai kelajuan yang membolehkan anda berhenti dengan jarak selamat sepanjang satu kenderaan dari halangan apabila terdapat keperluan untuk memberi laluan kepada kenderaan dari arah hadapan.



227 Apabila melalui rintangan yang tidak bergerak, pastikan terdapat jarak sekurang-kurangnya 0.5 meter dari halangan itu.



228 Apabila melepasi kenderaan yang sedang bergerak, pastikan terdapat jarak sekurang-kurangnya 1.5 meter dari halangan itu.



PEJALAN-PEJALAN KAKI

- 229 Kemalangan-kemalangan yang melibatkan pejalan kaki biasanya mengakibatkan cedera parah atau kematian. Pejalan-pejalan kaki, terutamanya kanak-kanak dan orang tua, merupakan kumpulan pengguna jalan raya yang mudah sekali ditimpa kemalangan. Menjadi kewajipan anda sebagai pemandu untuk menjaga keselamatan pejalan kaki.
- 230 Kanak-kanak di bawah usia lima belas tahun lebih berkemungkinan ditimpa kemalangan lalu lintas. Perkara ini kerana kanak-kanak selalu terburu-buru, suka bermain, ada perasaan ingin tahu dan tidak sedar akan bahaya di jalan raya.

Lebih berhati-hati apabila memandu berdekatan sekolah, taman permainan dan kawasan perumahan. Anda perlu lebih berjaga-jaga apabila memandu berdekatan penjual aiskrim dan penjaja di tepi jalan. Sentiasa berwaspada terhadap kanak-kanak yang mungkin berlari atau menerpa ke seberang jalan.



- 231 Orang-orang tua dan orang-orang cacat mudah menjadi mangsa kemalangan di jalan raya. Fakta perubahan yang sudah diketahui ialah apabila seseorang itu mencapai usia 50 tahun,
- (a) penglihatannya mulai kabur;
 - (b) pendengarannya berkurangan;
 - (c) badannya lemah dan tindak balasnya menjadi lebih lambat.

Orang-orang tua dan orang-orang cacat biasanya lambat bertindak balas terhadap keadaan lalu lintas. Oleh itu, apabila mendekati orang-orang tua atau orang-orang cacat, beri mereka ruang yang secukupnya dan berhenti jika perlu untuk membolehkan mereka melintasi jalan.


- 232 Pejalan kaki sembarangan melintas jalan di mana-mana mereka suka tanpa menghiraukan peraturan jalan raya dan kenderaan-kenderaan lain. Berwaspada terhadap mereka.



- 233 Orang yang berlari-lari anak mungkin lari atau menerpa ke seberang jalan secara tiba-tiba tanpa menghiraukan kenderaan-kenderaan di jalan raya. Sentiasa berjaga-jaga dan beri laluan kepada mereka jika perlu.




- 234 Pejalan kaki diutamakan di Lintasan Zebra. Garisan-garisan zig-zag dicat di jalan raya untuk memberitahu anda dari awal lagi tentang adanya Lintasan Zebra di hadapan.



- 235 Apabila memberhentikan kenderaan untuk pejalan kaki melintas jalan, berhenti sebelum kenderaan anda sampai di garisan berhenti.

Apabila menghampiri Lintasan Zebra, kurangkan kelajuan dan berwaspada terhadap pejalan kaki yang melintasi jalan. Jangan meletak kenderaan, memotong atau memecut di kawasan yang ditandakan dengan garisan-garisan zig-zag.




- 236 Apabila lintasan zebra sukar dilihat, tanda Lintasan Pejalan Kaki Di Hadapan (PCAM) dicat di jalan raya untuk memberi amaran kepada anda bahawa ada lintasan zebra yang tersembunyi daripada penglihatan.




MEMANDU DI JALAN RAYA


237 Sesebuah kereta yang mengurangkan kelajuan atau berhenti berdekatan atau di lintasan zebra mungkin menunjukkan terdapat pejalan kaki yang sedang melintas jalan. Hampiri kawasan itu dengan berhati-hati dan berhenti jika perlu.




238 Apabila anda berada di atau berdekatan dengan Lintasan Pejalan Kaki di simpang yang mempunyai lampu isyarat trafik:



(a) Perhatikan gerak-geri pejalan kaki;




(b) Sentiasa beri mereka laluan;



(c) Jangan melebihi garisan berhenti supaya tidak menghalang laluan pejalan kaki.

MEMANDU DI JALAN RAYA

239 Jika pejalan kaki menggunakan bahagian tengah jalan raya sebagai tempat yang selamat untuk mereka berhenti apabila melintas jalan, pandu kereta dengan perlahan dan pastikan terdapat ruang yang mencukupi di antara mereka dengan kenderaan anda. Jangan memandu terlalu rapat dengan mereka kerana perbuatan ini mungkin memaksa mereka bergerak ke belakang termasuk ke laluan kenderaan lain.



240 Apabila anda membelok ke lorong tepi, berwaspada terhadap pejalan kaki.



241 Pemandu motokar yang membelok ke kiri untuk masuk ke lalu lintas utama harus berwaspada terhadap pejalan kaki dari arah kiri.



242 Di jalan-jalan yang tidak mempunyai laluan pejalan kaki, atau kaki lima, jangan memandu terlalu dekat dengan pejalan kaki.



MEMANDU DI JALAN RAYA

Pejalan Kaki

- 243 Apabila pejalan kaki berjalan menghadap lalu lintas, pastikan terdapat jarak sekurang-kurangnya 1 meter dari mereka.



- 244 Apabila pejalan kaki berjalan membelakangi lalu lintas, pastikan terdapat jarak sekurang-kurangnya 1.5 meter dari mereka.




- 245 Ketika memandu melalui lopak air, pandu dengan perlahan untuk mengelakkan air lopak terpercik mengenai pejalan kaki yang mungkin ada berdekatan di situ.




PENUNGGANG BASIKAL

246 Berikan jarak minimum 1.5m apabila melepasi penunggang-penunggang basikal jika boleh. Bersedialah untuk memperlahankan kelajuan atau berhenti apabila anda melihat penunggang basikal menoleh ke belakangnya. Tanda ini menunjukkan bahawa dia mungkin akan mengubah haluannya pada bila-bila masa. Berwaspada terhadap penunggang basikal:

- (a) menunggang ke arah kereta anda secara tiba-tiba;
- (b) menunggang bertentangan dengan aliran lalu lintas;



- (c) terhuyung-hayang apabila membawa penumpang atau beban berat. Beri ruang yang lebih untuk mereka.




247 Apabila membelok,

- (a) lihat cermin-cermin kenderaan dan ruang terlindung;
- (b) berwaspada terhadap penunggang basikal yang mungkin berada di antara anda dengan bahu jalan;
- (c) jangan mengekori rapat dengan kenderaan di hadapan. Berikan penunggang basikal ruang yang mencukupi untuk membelok.




- 248 Apabila memotong, kekalkan jarak selamat di antara kenderaan anda dan penunggang basikal dan jangan balik ke lorong asal secara mendadak selepas memotong penunggang basikal. Jika keadaan tidak mengizinkan, perlahan-lahan kelajuan di belakang penunggang basikal dan tunggu sehingga selamat untuk memotong.
- 249 Apabila meletakkan kenderaan, berhati-hati terhadap penunggang basikal yang sedang berlalu apabila anda membuka pintu kenderaan.
- 250 Apabila berhadapan dengan kumpulan berbasikal yang lebih daripada 5, bergerak antara kumpulan-kumpulan berbasikal dan hanya potong apabila selamat, dan berhati-hati dengan penunggang-penunggang basikal yang sedang mengurangkan kelajuan.



PENUNGGANG MOTOSIKAL


- 251 Penunggang motosikal kadang-kadang tidak dapat dilihat dengan jelas kerana saiz mereka yang kecil dan bergerak laju. Sentiasa berwaspada terhadap mereka. Beri mereka laluan kerana mereka mudah cedera jika mereka jatuh. Jangan berdegi! hendak jalan dahulu.
- 252 Penunggang motosikal mungkin tidak sedar yang anda hendak keluar dari tempat meletak kereta. Beri mereka peluang untuk jalan dahulu sebelum anda keluar.



- 253 Apabila anda mengurangkan kelajuan kenderaan atau berhenti, berwaspada terhadap penunggang motosikal yang menunggang terlalu rapat dengan kenderaan anda di belakang. Berikan isyarat dari awal lagi tentang tujuan anda untuk mengelakkan dilanggar dari belakang.



- 254 Penunggang motosikal yang melalui bahagian yang berpasir atau basah di jalan raya mungkin akan hilang kawalan. Kurangkan kelajuan dan bersedia untuk memberhentikan kenderaan jika perlu.



- 255 Penunggang motosikal yang menghampiri anda di selekoh dari arah bertentangan mungkin terbabas ke laluan anda. Beri mereka ruang yang mencukupi dengan merapatkan kenderaan anda ke sebelah kiri.



- 256 Sentiasa pastikan tiada motosikal yang bergerak di ruang terlindung anda sebelum anda mengubah arah.





KENDERAAN KECEMASAN

- 257 Kenderaan kecemasan seperti kereta bomba, ambulans dan kereta polis yang sedang bertugas mestilah diberi keutamaan untuk bergerak ke hadapan dengan cepat dan selamat. Sebarang tanda yang mereka sedang menghampiri, seperti bunyi semboyan atau lampu yang berkelip, menandakan anda perlu memberi laluan dengan bergerak ke kiri, mengurangkan kelajuan atau berhenti jika perlu.

KENDERAAN BESAR

- 258 Kemalangan-kemalangan yang melibatkan kenderaan besar biasanya sangat serius atau membawa maut. Ingat faktor-faktor ini apabila anda berhadapan dengan kenderaan besar di jalan raya:
- Kenderaan ini adalah tinggi, panjang, besar dan menghalang penglihatan anda;
 - Kenderaan ini memerlukan ruang yang luas untuk membelok;
 - Kelajuannya terhad disebabkan oleh saiznya dan beban.

- 259 Apabila anda memandu di belakang kenderaan besar, pastikan jarak di antara anda dan kenderaan besar itu lebih jauh daripada jarak yang biasa apabila memandu di belakang kenderaan lain. Penglihatan anda terhadap jalan di hadapan akan terlindung jika anda memandu terlalu dekat dengan kenderaan besar itu.




- 260 Anda tidak akan dapat bertindak secepat mungkin jika terdapat barang-barang yang terjatuh dari kenderaan yang penuh dengan muatan jika anda berada terlalu dekat di belakangnya.



- 261 Kenderaan-kenderaan besar mungkin tidak boleh belok ke kiri tanpa menghimpit ke kanan dahulu atau belok ke kanan tanpa menghimpit ke kiri terlebih dahulu. Oleh itu, berjaga-jagalah apabila kenderaan besar membelok.

Jangan cuba melepasi kenderaan besar di sebelah kenderaan itu hendak membelok.



LEBUHRAYA

- 262 Lebuhraya direka khas untuk aliran lalu lintas tanpa halangan, lebih lancar dan cepat berbanding di jalan biasa. Di lebuhraya, anda perlu bertindak balas lebih awal dan lebih cepat terhadap keadaan lalu lintas. Oleh itu, sangat penting untuk anda menumpukan perhatian dan berwaspada semasa memandu di lebuhraya.
- 263 Untuk memaatiakan tiada halangan terhadap kelancaran aliran lalu lintas, jenis-jenis kenderaan yang disenaraikan di bawah adalah dilarang menggunakan lebuhraya:
- (a) Basikal
 - (b) Basikal roda tiga
 - (c) Kenderaan orang cacat
 - (d) Beca
 - (e) Motosikal yang mempunyai tempat penumpang di sebelahnya (sidecar)
 - (f) Van roda tiga
 - (g) Treler rendah
 - (h) Kenderaan yang dipandu oleh orang-orang yang baharu belajar memandu
 - (i) Jentera penggelek jalan
 - (j) Trak pengadun simen
 - (k) Kren bergerak
 - (l) Forklift
 - (m) Jentera pengorek tanah
 - (n) Jentera perata jalan
 - (o) Traktor
 - (p) Jentera pembuang sampah sarap
 - (q) Kenderaan membawa jentera
 - (r) Jentera penyodok tanah
 - (s) Grader
 - (t) Jentera pengepam batu
 - (u) Lori penyiram pokok
 - (v) Basikal Elektrik (E-bikes)
- 264 Untuk memasuki lebuhraya, beri isyarat tentang tujuan anda dari awal sebaik sahaja anda berada di simpang menghala ke lebuhraya. Tambahkan kelajuan kereta anda supaya sejajar dengan kenderaan-kenderaan yang telah pun berada di lebuhraya itu supaya anda dapat masuk ke aliran lalu lintas di lebuhraya itu dengan lancar.




MEMANDU DI JALAN RAYA

- 265 Di sepanjang lebuh raya, anda hendaklah memandu mengikut had-had laju yang ditetapkan atau had kelajuan kenderaan anda dan ikut kenderaan di hadapan pada jarak yang selamat. Had-had kelajuan di kebanyakan lebuh raya ialah 80 km/j dan 90 km/j. Had kelajuan di KPE adalah 70 km/j atau 80 km/j.
- 266 Perhatikan kelajuan kenderaan anda dengan menjeling meter kelajuan (speedometer) secara kerap. Jangan berlumba dengan kenderaan lain atau keluar masuk lorong.




- 267 Jangan gunakan lorong yang paling kanan sekali kecuali untuk memotong kenderaan lain. Lorong ini adalah untuk kenderaan kecemasan dan kenderaan yang memotong sahaja. Jika anda menggunakannya, masuk semula ke lorong di bahagian dalam apabila selamat untuk melakukannya.
- 268 Kenderaan-kenderaan yang bergerak perlahan hendaklah ikut kiri dan jangan menghalang lorong tengah. Memandu perlahan-lahan di lorong tengah atau kanan menyebabkan kesesakan lalu lintas dan memperlambatkan alirannya. Perbuatan ini juga menyebabkan kenderaan yang bergerak dengan lebih laju memotong secara berbahaya dari sebelah kiri.

- 269 Jangan memberhentikan atau meletakkan kenderaan di lebuh raya termasuk di bahu jalan. Memandu di bahu jalan lebuh raya ialah satu kesalahan .
- 270 Anda boleh berhenti atau meletakkan kenderaan anda di bahu jalan lebuh raya jika kenderaan anda rosak atau terlibat dalam kemalangan.
- 271 Jangan mengambil atau menurunkan penumpang di lebuh raya.



- 272 Apabila hendak keluar dari lebuh raya, rancang simpang keluar anda dari awal, beri isyarat ke kiri dan bergerak ke lorong paling kiri. Apabila tiba di lorong perlahan, kurangkan kelajuan kenderaan anda sesuai dengan jalan yang anda akan masuk. Jika anda terlajak simpang keluar, jangan mengundur dan teruskan perjalanan ke simpang keluar yang seterusnya.



273 Sekiranya kenderaan anda rosak semasa di lebu raya, hidupkan lampu tanda bahaya dan jika boleh, alihkan kenderaan anda dari laluan kenderaan ke bahu jalan. Jangan masuk ke lebu raya dan pastikan penumpang tidak berada di atas jalan raya. Penumpang dan pemandu kenderaan hendaklah berdiri di belakang pagar besi penghadang kenderaan sambil menunggu kenderaan penyelamat tiba. Letakkan tanda kerosakan (segi tiga sama sisi) pada jarak 20 meter atau lebih di belakang kenderaan sebagai amaran kepada pemandu lain. Aturkan supaya kenderaan anda ditunda secepat mungkin kerana berbahaya jika kenderaan kekal di bahu jalan.



KECEMASAN

- 274 Setiap orang berharap dia tidak akan mengalami situasi rumit di jalan raya. Walau bagaimanapun, tiada sesiapa yang boleh meramalkan apabila sesuatu kecemasan akan terjadi. Oleh itu, bersedialah menghadapi kemungkinan seperti ini.
- 275 Jika kerosakan kenderaan berlaku dengan tidak disangka-sangka semasa anda sedang memandu, perkara paling utama ialah mengawal kereta itu. Biar pengguna-pengguna jalan yang lain tahu bahawa sesuatu sedang berlaku dengan membunyikan hon dan menghidupkan lampu besar dan lampu tanda bahaya. Bergera ke tepi jalan selepas memastikan keadaan selamat untuk membuat demikian .

BONET LONGGAR

276 Bonet kereta yang tidak ditutup rapat boleh terbuka dan terangkat apabila ditiup angin semasa kenderaan bergerak laju dan ini akan menghalang penglihatan anda ke hadapan.

Jika perkara ini berlaku:

- bertenang;
- kurangkan kelajuan dengan menekan brek secara progresif;
- berhentikan kereta di tepi jalan untuk menutup bonet kereta.



CERMIN HADAPAN PECAH

277 Cermin hadapan kenderaan kadang-kadang boleh pecah apabila terkena batu-batu kecil atau benda-benda keras yang terpelanting dari celah-celah roda kenderaan lain atau daripada muatan di belakang lori yang tidak diikat dengan sempurna. Jangan ikut terlalu dekat di belakang lori-lori yang mengangkut barang-barang berat atau batu kerikil. Selain itu, ikut kereta hadapan dari jauh apabila memandu kereta di jalan yang berbatu. Jika cermin hadapan pecah:

- (a) bertenang;
- (b) hidupkan lampu tanda bahaya;
- (c) kurangkan kelajuan dan bergerak ke tepi jalan;
- (d) berhenti di tepi jalan dan tanggalkan cermin yang pecah itu dan kaca-kaca yang melekat;
- (e) jangan tanggalkan kaca-kaca yang melekat itu dengan tangan yang tidak berlapik. Gunakan kain buruk atau kain biasa;
- (f) pandu kenderaan perlahan-lahan ke bengkel.



ENJIN TERLAMPAU PANAS

278 Enjin terlampau panas boleh berlaku disebabkan oleh kebocoran radiator atau tali pemutar kipas yang putus. Petanda enjin terlampau panas ialah kelajuan melahu (idling speed) kenderaan anda adalah terlalu cepat dan jarum penunjuk suhu akan naik ke bahagian merah pada alat penunjuk suhu. Apabila enjin terlampau panas:

- (a) hidupkan lampu tanda bahaya;
- (b) kurangkan kelajuan dan pandu ke tepi jalan dan berhentikan kenderaan;
- (c) tunggu sehingga enjin kenderaan anda telah sejuk semula. Buka penutup radiator dan isi dengan air atau coolant (penyejuk). Jangan buka penutup radiator semasa enjin panas kerana air mendidih akan memancut keluar dan melecurkan kulit anda.



KEBAKARAN

279 Litar pintas (short circuit) di dalam sistem elektrik kenderaan boleh mengakibatkan kebakaran. Jika ini berlaku:


- berhentikan kenderaan anda dengan segera di tepi jalan;
- pastikan semua penumpang keluar dari kenderaan dengan teratur;
- bawa mereka sejauh mungkin dari kenderaan itu;
- gunakan alat pemadam api untuk memadamkan api. Jika tidak ada pemadam api atau tidak berjaya memadamkan api itu, hubungi Perkhidmatan Bomba. Nombor telefon Perkhidmatan Bomba ialah 995.



PEDAL MINYAK TERSANGKUT

280 Jika pedal minyak tersangkut,

- cuba tarik pedal itu ke atas dengan hujung kasut anda. Jangan alihkan pandangan anda daripada jalan raya.



- jika anda tidak dapat menarik pedal itu dengan cara ini, hidupkan lampu tanda bahaya dan pandu kenderaan anda ke tepi jalan dengan selamat.
- berhentikan kenderaan anda dan matikan enjin.

KEROSAKAN BREK KAKI

281 Apabila brek rosak:



- (a) hidupkan lampu tanda bahaya dan pandu kenderaan anda ke tepi jalan dengan selamat;
- (b) tarik brek tangan;
- (c) segera tukar ke gear rendah, sebaik-baiknya gear dua, dan lepaskan klac untuk menggunakan brek enjin;
- (d) matikan enjin.

RODA LONGGAR

282 Jika mana-mana roda kenderaan anda longgar, kenderaan mungkin terhuyung-hayang ke kiri dan ke kanan diikuti dengan bunyi yang terlalu bising yang datang daripada roda. Anda juga akan mengalami kesulitan mengawal stereng. Dalam keadaan ini, kurangkan kelajuan, berikan isyarat yang sewajarnya dan berhenti di tempat yang selamat di tepi jalan. Ketatkan roda yang longgar itu sebelum bergerak.

TAYAR MELETUP

283 Apabila tayar meletup, kenderaan akan tertarik dengan kuatnya ke arah tayar yang meletup itu. Tarikan daripada tayar hadapan adalah lebih kuat daripada tarikan tayar belakang. Apabila perkara ini terjadi, pegang stereng dengan kuat dan pusingkan stereng ke arah berlawanan daripada tarikan itu untuk kekal di laluan. Brek perlahan-lahan secara progresif dan berhentikan kereta anda di tepi jalan.

KEMALANGAN

- 284 Ada tiga faktor yang menyebabkan berlakunya suatu kemalangan:
- Pengguna-pengguna jalan raya;
 - Keadaan persekitaran;
 - Kenderaan.
- 285 Daripada ketiga-tiga faktor itu, kebanyakan kemalangan adalah disebabkan oleh pengguna jalan raya dan disebabkan:
- kesilapan dalam pertimbangan, terutamanya bagi kanak-kanak dan warga tua, dan
 - memandu dengan tidak cermat dan tidak menumpukan perhatian.
- 286 Penunggang motosikal adalah pengguna jalan raya yang paling mudah terjejas, anda harus berhati-hati, terutamanya ketika memandu berdekatan dengan mereka.
- 287 Berlatih dari awal lagi untuk memupuk tabiat memandu dengan cermat dan penuh perhatian. Selain itu, berusaha untuk memperbaiki pertimbangan anda mengenai kelajuan dan jarak setiap kali anda memandu.
- 288 Apabila anda terlibat dalam suatu kemalangan, anda hendaklah memberhentikan kenderaan tidak kira terdapat kecederaan atau tidak. Jangan lupa untuk menyalakan lampu tanda bahaya untuk memberitahu pengguna jalan raya yang lain tentang kemalangan itu.
- 289 Dalam kemalangan yang tidak melibatkan kecederaan:
- pemandu-pemandu yang terlibat hendaklah segera mengalihkan kenderaan masing-masing ke tepi jalan dengan selamat untuk mengelakkan timbulnya keadaan yang boleh membahayakan pengguna jalan raya yang lain;
 - kedua-dua belah pihak harus menyelesaikan perkara itu sesama mereka sendiri;
 - jika perkara itu tidak dapat diselesaikan sendiri, kedua-dua pihak perlu memaklumkan syarikat insurans masing-masing mengenai kemalangan itu;
 - tidak perlu membuat laporan polis.
- 290 Dalam kemalangan yang melibatkan kecederaan:
- dapatkan pertolongan daripada orang yang lalu-lalang di situ untuk memberitahu pengguna jalan raya yang lain tentang kemungkinan adanya halangan atau bahaya berpunca daripada kemalangan tersebut;
 - hubungi polis dan ambulans;
 - jangan gerakkan atau alihkan kenderaan anda tanpa kebenaran pegawai polis, melainkan:
 - orang yang cedera perlu dihantar ke hospital;
 - terdapat keperluan untuk mengeluarkan orang yang terperangkap, mencegah kebakaran, atau mengurangkan bahaya lalu lintas yang serius akibat daripada kemalangan itu;
 - maklumkan syarikat insurans anda mengenai kemalangan itu.

UJIAN MEMANDU

PENETAPAN TARIKH UJIAN

- 291 Untuk mengambil ujian memandu, anda dikehendaki membuat penetapan tarikh ujian itu terlebih dahulu. Setelah menjelaskan bayaran ujian, anda akan diberikan satu resit yang menunjukkan masa dan tarikh ujian memandu anda serta tempat di mana ujian akan dijalankan. Pada hari ujian itu, serahkan yang berikut kepada pegawai yang bertugas di kaunter penyambut tetamu untuk ujian memandu:
- (a) Lesen memandu sementara yang sah;
 - (b) Sijil insurans yang sah bagi kenderaan yang akan digunakan untuk ujian;
 - (c) Sijil teori memandu peringkat akhir yang sah;
 - (d) Resit bayaran ujian memandu.
- 292 Anda juga dikehendaki membawa Kad Pengenalan anda untuk tujuan identifikasi. Jika anda ialah warga asing, anda dikehendaki menunjukkan pasport anda. Anda tidak boleh mengambil ujian memandu sekiranya anda telah mengumpul 13 atau lebih mata kesalahan (demerit points) daripada kesalahan trafik. Walaupun anda telah mendaftar untuk ujian memandu, anda tidak akan dibenarkan mengambilnya jika anda telah mengumpul 13 atau lebih mata kesalahan.

UJIAN PRAKTIKAL

- 293 Ujian memandu terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama ialah ujian bagi kemahiran memandu anda dan ujian ini diadakan di litar memandu. Bahagian kedua ialah ujian bagi kebolehan anda berinteraksi dengan selamat dengan pengguna-pengguna jalan raya yang lain dan mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan lalu lintas. Ujian ini dijalankan di jalan raya.
- 294 Semasa ujian dijalankan, penguji akan menaksir prestasi anda memandu menggunakan sebuah tablet komputer atau senarai penilaian. Semua kesilapan memandu yang mungkin anda lakukan akan ditunjukkan dalam tablet komputer atau senarai penilaian itu. Jika orang yang belajar memandu itu melakukan sebarang kesilapan yang serius, dia terus gagal dalam ujian. Jika dia melakukan kesilapan yang kurang serius, dia akan diberikan mata denda dari 2 hingga 10 untuk setiap kesilapan. Orang yang belajar memandu yang mengumpul mata denda lebih daripada jumlah yang ditetapkan gagal dalam ujiannya. Sama ada anda berjaya atau tidak dalam ujian memandu itu, laporan ujian atau senarai penilaian yang digunakan dalam ujian itu akan diserahkan kepada anda pada akhir ujian supaya anda dapat belajar daripada kesilapan-kesilapan anda dan memperbaikinya.

LARANGAN BAGI ORANG YANG BAHARU BELAJAR MEMANDU

LARANGAN BAGI ORANG YANG BAHARU BELAJAR MEMANDU

295 Orang yang baharu belajar memandu tidak dibenarkan pada sepanjang masa di taman rekreasi dan tempat letak kereta awam yang berikut.


- (a) (i) Botanic Gardens
- (ii) East Coast Park
- (iii) Fort Canning Park
- (iv) Kawasan Semua Hospital Pemerintah
- (v) Jurong Bird Park
- (vi) Kranji Reservoir Park
- (vii) Labrador Park
- (viii) Lower Pierce Reservoir Park
- (ix) MacRitchie Reservoir Park
- (x) Mount Faber Scenic Park
- (xi) Pasir Ris Park
- (xii) Seletar Reservoir Park
- (xiii) Sembawang Park
- (xiv) Upper Pierce Reservoir Park
- (xv) Tempat Letak Kereta Awam

LARANGAN BAGI ORANG YANG

BAHARU BELAJAR MEMANDU Larangan Bagi Orang Yang Baharu Belajar Memandu

(b) Kawasan Larangan

Bermula dari pantai selatan Pulau Singapura, di kawasan pengeluaran arah selatan Alexandra Road bertemu dengan pantai, meliputi sepanjang sempadan sehingga ke pengeluaran Alexandra Road yang disebut sebelum ini ke Alexandra Road, dari situ berturut-turut di sepanjang Alexandra Road, Queensway, Holland Road, Napier Road, Tanglin Road, Orange Grove Road, Anderson Road, Balmoral Road, Chancery Lane, Thomson Road, Braddell Road, Bartley Road, Upper Paya Lebar Road, Paya Lebar Road, Geylang Road, Tanjong Katong Road ke pantai, yang kawasan itu lebih khusus ditandakan dan ditunjukkan dalam peta berikut:



(c) Orang yang baharu belajar memandu tidak dibenarka berada di dalam kawasan yang berikut pada masa-masa yang ditetapkan:

**Hari Isnin hingga Jumaat,
(kecuali pada hari cuti
umum yang diwartakan)
atau hari Ahad**

7.30 pagi - 9.30 pagi
12.30 petang - 2.00 petang
4.00 petang - 7.00 malam

**Hari Sabtu
(Jika hari Sabtu itu bukan
hari cuti umum yang
diwartakan)**

7.30 pagi - 9.30 pagi
12 tengah hari - 2.00 petang

PEMERIKSAAN HARIAN

296 Sebelum memandu periksa kereta anda selama beberapa minit, seperti berikut:

- (a) Pastikan bahawa plat nombor kereta anda bersih dan nombornya dapat dilihat dengan jelas. Memandu kereta tanpa plat nombor di hadapan dan di belakang merupakan satu kesalahan.
- (b) Periksa jika terdapat tayar bocor.
- (c) Pastikan semua lampu boleh dinyalakan. Menjadi satu kesalahan untuk memandu jika ada antara lampu hadapan, lampu belakang, lampu berhenti, lampu undur, lampu nombor plat kereta, lampu penunjuk arah dan reflektor yang rosak.
- (d) Pastikan cermin hadapan dan belakang dalam keadaan bersih. Cermin yang kotor akan menjejaskan penglihatan anda.
- (e) Lihat di bawah kereta jika terdapat tanda-tanda kebocoran minyak atau air.
- (f) Pusingkan kunci pencucuhan ke kedudukan "ON". Pastikan semua lampu amaran dan meter di panel peralatan itu tiada yang rosak.
- (g) Selepas menghidupkan enjin, pandu kereta anda perlahan-lahan dan periksa jika terdapat sebarang bunyi bising atau gegaran yang luar biasa. Pijak brek kaki untuk pastikan ia berfungsi dan kenderaan tidak tertarik ke kiri atau kanan. Stereng juga tidak seharusnya menjadi berat.

PEMERIKSAAN MINGGUAN

297 Pemeriksaan mingguan terhadap kenderaan anda menjadikan pemanduan lebih selamat, tiada masalah dan lebih seronok. Apabila anda memeriksa kereta anda, tumpukan perhatian kepada:

- (a) Air (coolant) di dalam radiator berada di paras yang betul dan penutup radiator ditutup dengan ketat;
- (b) Paras air pencuci cermin hadapan dan belakang berada di paras yang betul;
- (c) Paras minyak enjin yang mencukupi;
- (d) Terminal bateri disambung dengan ketat dan air bateri berada di paras yang betul;
- (e) Cecair brek berada di paras yang betul;
- (f) Tekanan udara semua tayar termasuk tayar simpanan adalah mencukupi;
- (g) Anda seharusnya mempunyai tayar simpanan, jek dan tuilnya dan alat pemutar nat roda tersimpan di but kereta anda.

PEMERIKSAAN BERKALA

298 Pada waktu berkala yang disyorkan oleh pengeluar kenderaan, hantar kenderaan anda ke stesen penyenggaraan yang sah untuk mendapatkan pemeriksaan, penyenggaraan dan penggantian alat-alat yang berikut:

- (a) Minyak enjin
- (b) Penapisminyak
- (c) Minyak kotak gear
- (d) Penapis udara
- (e) Chassis
- (f) Sistem pencucuhan
- (g) Sistem gantung
- (h) Pelapik brek

KENDERAAN BARANGAN RINGAN

SEBAB-SEBAB KEMALANGAN

299 Pikap dan van panel menyumbang kepada banyak kemalangan jalan raya. Kemalangan ini biasanya berlaku kerana:

(a) **Dipandu Dengan Terlalu Laju**

Apabila pikap dan van panel ini tidak terisi dengan barang-barang, kenderaan ini boleh bergerak dengan lebih laju. Walau bagaimanapun, mekasmisme stereng dan breknya mungkin bertindak balas sebaliknya. Maka, jika tidak dikendalikan dengan cermat, kenderaan-kenderaan seperti ini boleh tergelincir atau terlibat dalam kemalangan.

(b) **Membawa Penumpang-Penumpang Dengan Cara Berbahaya**

Apabila penumpang-penumpang dibenarkan menaiki pikap, mereka mestilah duduk dengan betul. Penumpang-penumpang yang berdiri boleh menjejaskan kestabilan dan keseimbangan kenderaan itu terutamanya apabila membelok di selekoh. Berhenti secara mengejut boleh menyebabkan penumpang tercampak keluar.

ALAT-ALAT KESELAMATAN

300 Di bawah undang-undang, para pemilik pikap dan van panel dikehendaki memasang alat-alat keselamatan berikut di dalam kenderaan mereka:

(a) **Alat Amaran Kelajuan**

Alat ini akan berbunyi untuk memberitahu pemandu bahawa kelajuan kenderaan itu telah melebihi had yang dibenarkan.

(b) **Pagar Kepungan (Railings)**

Setiap pikap perlu memasang pagar kepungan di kedua-dua belah kenderaan untuk keselamatan barangan-barangan yang dibawa.

MELINDUNGI NYAWA MELALUI PENGUATKUASAAN KAMERA

Polis Trafik (TP) akan memberi lebih banyak perhatian kepada pemasangan sensor lalu lintas, seperti kamera kelajuan dan kamera lampu merah, untuk membentuk tabiat pemandu yang lebih selamat. TP akan mengkaji untuk memasang kamera-kamera tambahan di lokasi-lokasi yang mudah berlakunya kemalangan, bagi mengurangkan risiko berlakunya kemalangan. Kamera yang mudah dilihat ini akan menghalang berlakunya kesalahan-kesalahan lalu lintas, dengan itu mempertingkatkan lagi keselamatan di jalan raya.

KAMERA LAMPU ISYARAT MERAH

301 Bagi menghalang dan mengesan pemandu yang membahayakan pengguna jalan raya lain dengan melanggar isyarat lampu merah, sejumlah 240 kamera lampu merah digital telah dipasang di seluruh negara.

Simpang jalan yang tidak dipasang dengan kamera lampu merah dipantau oleh operasi penguatkuasaan bergerak TP. Lokasi-lokasi ini akan dinilai secara kerap supaya ia kekal relevan.

Para pemandu yang melanggar lampu merah boleh dikenakan 12 mata demerit dan denda dari \$200 hingga \$230 bergantung kepada jenis kenderaan. Pemandu yang didakwa di mahkamah boleh dikenakan denda sehingga \$1,000 atau penjara 3 bulan bagi kesalahan pertama, dan denda \$2,000 atau penjara 6 bulan bagi kesalahan kedua dan seterusnya.

KAMERA KELAJUAN TETAP

302 TP juga membuat pelbagai strategi penguatkuasaan untuk memastikan para pemandu menepati had kelajuan kenderaan/jalan raya yang ditetapkan. Perkara ini termasuklah penggunaan kamera digital penguatkuasaan kelajuan yang statik di seluruh negara dan penggunaan kamera laser kelajuan mudah alih semasa operasi-operasi anti-kelajuan. Tambahan lagi, para pegawai yang meronda akan sentiasa memerhatikan para pemandu yang memecut dan memandu secara berbahaya.

KAMERA KELAJUAN MUDAH ALIH

303 TP sentiasa mencari pelbagai penyelesaian teknologi bagi melengkapi usaha penguatkuasaannya. Salah satu pilihan ialah dengan menggunakan Kamera Kelajuan Mudah Alih (MSC). Sama fungsinya dengan kamera kelajuan tetap, MSC adalah lebih mudah alih, dan memberikan penyelesaian yang lebih 'ad hoc' memandangkan ia boleh digunakan di tempat-tempat tertentu yang mana kamera kelajuan tetap mungkin tidak boleh. Penggunaan dan penggunaan semula MSC adalah lebih cepat dan lebih menjimatkan kos berbanding penggunaan kamera kelajuan tetap, dan juga menjadikan TP lebih pantas bertindak balas dalam mengekang masalah kelajuan yang berpanjangan di sesebuah tempat tanpa menjejaskan sumber barisan hadapan daripada operasi TP yang lain. Kamera yang dicat dengan warna jingga, sama dengan warna trafik, akan bertindak sebagai satu penghalang bagi pemandu yang kelakuan yang degil. TP ingin menggesa semua pengguna jalan raya untuk mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya pada setiap masa dan bukan sahaja apabila terdapat kamera penguatkuasaan dan pegawai polis di sekeliling. Demi keluarga tersayang, sampailah ke rumah dengan selamat.

RAYUAN

304 Polis Trafik mengambil pendirian tegas terhadap pemandu yang melakukan pelanggaran trafik atau memandu semasa di bawah pengangkutan atau setelah lesen dibatalkan. Pemandu yang ingin merayu bagi kesalahan trafik mereka hanya boleh berbuat demikian secara dalam talian melalui Portal e-Appeals TP. Rayuan bagi kesalahan trafik hanya akan dipertimbangkan atas faktor peringan, seperti kecemasan perubatan, dan mesti disokong oleh bukti bertulis yang berkaitan. Rayuan berulang tanpa bukti baru tidak akan dipertimbangkan.



MEMANDU SECARA SOPAN

Ketika Memandu

- 305 Sesuaikan kelajuan anda dengan kelajuan kenderaan lain di sekeliling anda supaya tidak menghalang pergerakan lalu lintas di belakang anda.
- 306 Tabiat yang sopan apabila anda mengalah dan memberi jalan kepada kenderaan lain jika keadaan mengizinkan.
- 307 Apabila anda dibenarkan jalan dahulu, biasakan menunjukkan tanda terima kasih.

Isyarat

- 308 Beri isyarat lampu yang sesuai dari awal agar pemandu-pemandu lain dapat bertindak tepat pada waktunya.
- 309 Padamkan isyarat lampu apabila tidak digunakan supaya tidak mengelirukan pemandu-pemandu lain.

Penggunaan Hon

- 310 Bunyikan hon untuk memberi amaran kepada pengguna jalan raya yang lain tentang bahaya seperti kemungkinan berlakunya kemalangan.
- 311 Jangan gunakan hon untuk melepaskan kemarahan atau kekecewaan anda.
- 312 Jangan gunakan hon untuk menuntut yang anda berhak jalan dulu atau merempuh lalu lintas di tempat yang penuh sesak.

Tatatertib Lorong

- 313 Pandu di lorong sebelah kiri dan biarkan lorong lain untuk kenderaan yang bergerak lebih laju melepasi anda dengan selamat.
- 314 Pandu di lorong anda sendiri. Perbuatan yang tidak bertimbang rasa jika anda memandu antara dua lorong kerana akan menghalang pergerakan kenderaan lain dan membuat keadaan lalu lintas sesak.
- 315 Jangan menukar lorong ke kiri dan ke kanan kerana perbuatan ini akan membuat pemandu-pemandu lain kebingungan dan membahayakan mereka.
- 316 Memotong dengan tajam ke laluan kenderaan lain ialah perbuatan yang kurang sopan dan berkemungkinan menyebabkan kemalangan.

Di Simpang Jalan

- 317 Bergerak awal ke lorong yang betul di simpang jalan untuk memberitahu pemandu lain tentang arah tujuan anda.
- 318 Apabila membelok ke kanan, pastikan kereta anda berada di kedudukan yang betul supaya tidak menghalang kenderaan di hadapan.

Dalam Kesesakan Lalu Lintas

- 319 Kekal di lorong anda semasa di jalan raya yang sesak. Jangan memotong sembarangan. Memotong kenderaan lain akan memburukkan lagi keadaan lalu lintas.
- 320 Beri ruang di simpang jalan kecil semasa berada di dalam kesesakan lalu lintas untuk memudahkan kenderaan dari jalan bertentangan untuk membelok ke kanan dan juga untuk kenderaan dari jalan kecil untuk keluar ke jalan utama.

Memotong

- 321 Memotong hanya apabila benar-benar perlu.
- 322 Memotong hanya apabila anda pasti tiada kenderaan lain yang cuba hendak melepasi atau memotong anda.
- 323 Kurangkan kelajuan dan ikut kiri apabila anda dipotong supaya kenderaan yang memotong itu dapat melepasi anda dengan segera.
- 324 Menambah kelajuan kenderaan anda semasa kenderaan lain cuba memotong anda adalah perbuatan yang membahayakan dan tidak bertimbang rasa.

Jarak Mengikut Dari Belakang Yang Selamat

- 325 Tetapkan jarak mengikut dari belakang yang selamat dengan kenderaan di hadapan untuk memberi anda ruang yang mencukupi untuk berhenti dengan selamat sekiranya kenderaan di hadapan berhenti secara mengejut.
- 326 Jangan mengganggu kenderaan di hadapan dengan memandu terlalu rapat dengannya. Perbuatan demikian adalah berbahaya dan mengundang kepada kemalangan.
- 327 Memancar-mancarkan lampu besar kereta anda dan membunyikan hon berkali-kali pada kenderaan yang bergerak perlahan di hadapan anda adalah satu perbuatan yang biadab.

Berhenti Dan Meletakkan Kenderaan

- 328 Sentiasa berhenti atau meletakkan kenderaan anda berdekatan pinggir jalan.
- 329 Sentiasa berhenti atau meletakkan kenderaan anda di tempat yang tidak mengganggu atau menyusahkan pengguna jalan raya yang lain.
- 330 Jangan berhentikan kenderaan anda di tempat yang redup yang jauh dari simpang ketika menunggu lampu isyarat trafik bertukar. Perbuatan ini mementingkan diri sendiri dan akan memperlambatkan lalu lintas di simpang.
- 331 Apabila meletakkan kenderaan anda di petak letak kereta, bertimbang rasa dengan meletakkan kenderaan anda selari dan di tengah-tengah petak letak kenderaan itu.
- 332 Tunggu giliran anda ketika mencari petak untuk meletakkan kenderaan anda. Perbuatan yang kurang sopan jika memotong atau berebut-rebut masuk ke petak letak kereta apabila terdapat kenderaan lain yang cuba masuk ke petak itu.
- 333 Jangan memandu kenderaan jika salah satu daripada lampu hadapan, belakang dan alat-alat penunjuk arah rosak.
- 334 Rendahkan cahaya lampu hadapan apabila anda memandu di belakang kenderaan lain atau menghadap kenderaan dari arah bertentangan supaya tidak menyilaukan pemandu-pemandu itu.
- 335 Pada waktu siang, apabila penglihatan kurang jelas, anda harus menyalakan lampu hadapan supaya anda boleh melihat dan mudah dilihat dengan lebih jelas.

Pejalan kaki Dan Penunggang Basikal

- 336 Beri ruang yang lebih kepada pejalan kaki dan penunggang basikal kerana mereka boleh mengubah haluan secara tiba-tiba.
- 337 Jangan membunyikan hon apabila anda berada berdekatan dengan pejalan kaki kerana perbuatan ini akan memeranjatkan mereka dan menyebabkan mereka bertindak balas secara tidak rasional dan mengakibatkan kemalangan.
- 338 Jangan menghalang perjalanan pejalan kaki dengan memberhentikan kereta anda di laluan persimpangan pejalan kaki.
- 339 Di jalan yang basah, perlambatkan kelajuan anda apabila mendekati pejalan kaki dan penunggang basikal supaya air dari jalan raya tidak terpercik kepada mereka.
- 340 Pastikan jarak minimum 1.5m apabila melepasi penunggang-penunggang basikal, sama seperti dengan kenderaan lain.

Sabar


- 341 Sentiasa bersabar. Jangan terburu-buru atau hilang kesabaran apabila di jalan raya.
- 342 Perbuatan yang kurang sopan untuk menunjukkan isyarat gerakan tangan yang provokatif apabila pemandu lain melakukan kesalahan atau menyusahkan anda. Tiada sesiapa yang mahu atau sengaja terlibat dalam kemalangan.

Melakukan Kesilapan ialah Sifat Semula Jadi Manusia, Minta Maaf Dan Memaafkan

- 343 Tunjukkan tanda maaf apabila anda telah menyusahkan orang lain.
Perbuatan ini akan menenangkan pemandu itu.

SUSUNAN LITAR MEMANDU

340



Laluan berbentuk 'Crank'




Petak Letak Kereta Selari



Laluan berbentuk 'S'



Petak Letak Kereta Melintang



Petak Mengubah Arah

Diterbitkan secara dalam talian oleh Polis Trafik